

**APLIKASI KAEDAH PENILAIAN KONTINGEN (CVM) KE ATAS PROGRAM
PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN BUKIT PUTERI, TERENGGANU.**

SITI RAIHANA BT FAUZI

SM EKONOMI (SUMBER ALAM)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

(UMT)

2009

**APLIKASI KAEDAH PENILAIAN KONTINGEN (CVM) KE ATAS PROGRAM
PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN BUKIT PUTERI, TERENGGANU.**

SITI RAIHANA BT FAUZI

SM EKONOMI (SUMBER ALAM)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

(UMT)

2009

PENGAKUAN

Saya akui bahawa kertas projek (EKN 4998/9) ini adalah kajian saya sendiri kecuali sumber- sumber lain yang saya jelaskan rujukannya melalui rujukan yang dilampirkan.

Tarikh

Siti Raihana Binti Fauzi

(UK11443)

DECLARATION

I hereby declare that this projek paper (EKN 4998/ 9) is the result of my own investigation and finding, expect where otherwise stated. Other sources are acknowledged by giving explicit reference and references is appended.

Date

Siti Raihana Binti Fauzi

(UK11443)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Bersyukur kepada Allah s.w.t dengan limpah izin-Nya, dapat juga saya menyiapkan tesis dalam tempoh yang telah ditetapkan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Fakulti Pengurusan dan Ekonomi Universiti Malaysia Terengganu kerana memberi peluang kepada saya untuk menyediakan tesis sebagai syarat kelayakan bergraduat bagi pengajian saya.

Sekali lagi saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof Madya Dr. Nik Fuad Mohd Kamil kerana banyak memberikan tunjuk ajar dan nasihat serta penerangan yang diberikan sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini amatlah dihargai dan disanjung dan tidak mungkin akan dilupakan.

Selain itu saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Lembaga Muzium Negeri Terengganu kerana sudi memberi komitmen dan kerjasama sepanjang tempoh saya menyiapkan tesis ini. Pihak Lembaga Muzium juga memberi serba sedikit maklumat di bawah pengawasan muzium untuk diberikan kepada saya untuk bagi memudahkan kajian ini dilakukan.

Dan tidak lupa juga kepada semua rakan seperjuangan dan ibubapa saya yang banyak memberi yang banyak memberi sokongan dan pendapat kepada saya serta semua kakitangan jabatan yang lain. Segala kerjasama yang diberikan tidak akan saya lupakan dan sia-siakan untuk masa akan datang.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan mengukur penilaian ekonomi terhadap program pemuliharaan dan pemeliharaan artifak yang kaya dengan nilai warisan di Bukit Puteri, Kuala Terengganu. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk melihat secara menyeluruh terhadap objektif yang telah dibina. Kajian ini menggunakan kaedah penilaian kontingen (CVM) dan pemilihan responden seramai 150 orang dilakukan secara rawak dengan menggunakan persampelan rawak. Kaedah perisian SPSS 15.0 (*Statistical Package for Social Science*) di mana perisian ini akan membantu mendapatkan keputusan yang lebih cepat dan tepat dalam menganalisis data untuk kajian ini. Secara keseluruhannya hasil kajian yang diperolehi, pengkaji dapat membuat rumusan bahawa program pemeliharaan dan pemuliharaan penting dalam mengekalkan keaslian artifak- artifak yang bersejarah di Bukit Puteri. Ini dapat dijelaskan dalam kajian ini dimana kesanggupan membayar (WTP) masyarakat menunjukkan terdapat hubungan positif dengan pembolehubah pendapatan bulanan individu dan tahap kesedaran.

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine and measure the economics estimation of recover and protect artifact at Bukit Puteri, Kuala Terengganu. This research is mainly to look for overall objectives that have been built. The researcher was using contingent valuation method (CVM) and the selections about 150 respondents random sampling method. To answer the research hypothesis that have been stated, data was analyzed by using inferential Statistical Package for Social Science 15.0 software for the exactly and quick result. Beside, permissive that the willingness to pay of the society response significant for the variable income of responden and awareness of responden..

ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI GRAF	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI KEPENDEKAN	x
RUJUKAN	
LAMPIRAN	

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Prestasi Pelancongan Di Malaysia	2
	1.2.1 Pendapatan Pelancongan Dan Perbelanjaan Pelancong	3
	1.2.2 Produk Dan Perkhidmatan Pelancongan	3
	1.2.3 Pelancongan Warisan	3
	1.2.4 Pelancongan Domestik	3
1.3	Prestasi Pelancongan Di Negeri Terengganu Darul Iman	6
1.4	Penerangan Tajuk	7
1.5	Lokasi Kawasan Kajian	8
1.6	Pengurusan Bukit Puteri	9
1.7	Prestasi Pelancongan Di Kawasan Kajian	10

1.8	Latar Belakang Kawasan Kajian	12
1.9	Artifak Bersejarah (Nilai Warisan)	13
	1.9.1 Genta	13
	1.9.2 Kubu Pertahanan	14
	1.9.3 Rumah Api	15
	1.9.4 Tiang Bendera	16
	1.9.5 Meriam Beranak	16
	1.9.6 Kawasan Perkuburan	17
1.9	Latar Belakang Kawasan Kajian	18
1.10	Pemasalahan Kajian	18
1.11	Objektif	21
	1.11.1 Objektif Umum	21
	1.11.2 Objektif Khusus	21
1.12	Skop Kajian	21
1.13	Organisasi Kajian	22
1.14	Kesimpulan Dan Cadangan	23

BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0	Pengenalan	24
2.1	Perbelanjaan Dan Peruntukan Pembangunan Dan Pelancongan Bagi Tempoh 2001 – 2010 (RM Juta)	25
2.2	Dasar Pelancongan Malaysia	26
2.3	Kajian Lepas	27
	2.3.1 Kesanggupan Membayar (WTP)	29
	2.3.2 Kaedah Penilaian Kontingen (CVM)	31
2.4	Kesimpulan	34

BAB	METHODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pengenalan	36
3.1	Jumlah Nilai Ekonomi (TEV)	37
3.2	Teknik Penilaian	39
3.3	Kaedah Penilaian Toksonomi	42
3.4	Kaedah Penilaian Kontingen	43
3.5	Spesifikasi Model Kajian	44
3.6	Prosedur Persampelan	45
3.7	Hipotesis Kajian	46
3.8	Methodologi Kajian	47
3.9	Kesimpulan	47
BAB 4	ANALISIS DAN KEPUTUSAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	48
4.1	Analisis Deskriptif	49
4.1.1	Maklumat Asas Dan Sosio Ekonomi Pengunjung	49
4.1.2	Penilaian Kontingen	60
4.1.3	Pendapat Mengenai Program Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Bukit Puteri	69
4.2	Analisis Regrasi	70
4.3	Pengujian Hipotesis Individu	72
4.4	Ujian Global	73
4.5	Pengujian Hipotesis Bagi Pembolehubah Jumlah Pendapatan Bulanan Responden	74
4.6	Pengujian Hipotesis Bagi Pembolehubah Tahap Kesedaran Responden	76
4.7	Nilai R Square	77
4.8	Kesimpulan	77

BAB 5	CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.0	Pengenalan	78
5.1	Implikasi Dan Cadangan	81
5.2	Kesimpulan	83
Rujukan		
Lampiran		

SENARAI GRAF

Graf 1.1	Jumlah Kehadiran Pelawat Dan Kutipan (RM) Pada Tahun 2000	11
Graf 1.2	Jumlah Kehadiran Pelawat Dan Kutipan (RM) Pada Tahun 2003	12

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Loceng/Genta Yang Terdapat Di Bukit Puteri	16
Rajah 1.2	Kubu Pertahanan Yang Terdapat D i Bukit Puteri	17
Rajah 1.3	Rumah Api Di Bukit Puteri	18
Rajah 1.4	Meriam Beranak	19
Rajah 1.5	Proses Penyelidikan Sistematis	25
Rajah 3.1	Model Hubungan Antara Jumlah Nilai Ekonomi Dan Teknik Penilaian	38
Rajah 3.2	Kesanggupan Menbayar (WTP) Dan Kesanggupan Menerima (WTA)	39
Rajah 3.3	Kaedah Penilaian Toksonomi	42
Rajah 4.1	Jantina	51
Rajah 4.2	Umur	52
Rajah 4.3	Bangsa	53
Rajah 4.4	Tahap Pendidikan	53

Rajah 4.5	Sektor Pekerjaan	55
Rajah 4.6	Pendapatan Bulanan	56
Rajah 4.7	Status Perkahwinan	57
Rajah 4.8	Bilangan Tanggungan	58
Rajah 4.9	Tempat Tinggal	59
Rajah 4.10	Gemar Melancong	62
Rajah 4.11	Jenis Destinasi Pilihan	63
Rajah 4.12	Pernah Melawat Bukit Puteri	63
Rajah 4.13	Sumber Maklumat	64
Rajah 4.14	Kekerapan Melawat	65
Rajah 4.15	Faktor Menarik Minat Ke Bukit Puteri	66
Rajah 4.16	Kesanggupan Membayar (WTP)	66
Rajah 4.17	Nilai Maksimum Kesanggupan Membayar (WTP)	67
Rajah 4.18	Sebab Kesanggupan Membayar	68
Rajah 4.19	Tahap Kepuasan Keadaan Bukit Puteri	68

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Keluasan Daerah Di Negeri Terengganu	8
Jadual 1.2	Jumlah Pelawat Di Bukit Puteri Pada Tahun 2000	11
Jadual 1.3	Jumlah Pelawat Di Bukit Puteri Pada Tahun 2003	13
Jadual 2.0	Perbelanjaan Dan Peruntukan Pembangunan Dan Pelancongan Bagi Tempoh 2001 – 2010 (RM Juta)	25
Jadual 4.1	Profil Responden	49
Jadual 4.2	Penilaian Kontingen	60
Jadual 4.2	Pendapat Mengenai Program Pemeliharaan Dan Pemeliharaan Bukit Puteri (Peratusan)	69
Jadual 4.4	Model Summary	70
Jadual 4.5	ANOVA	71
Jadual 4.6	Cooficients	71

SENARAI KEPENDEKAN

BP	Bukit Puteri
LMNT	Lembaga Muzium Negeri Terengganu
UPEN	Unit Perancangan Ekonomi Negeri
RMK	Rancangan Malaysia Ke-
SARS	Sindrom Akut Pernafasan Teruk
LCC	Penerbangan Kos Rendah
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
CVM	Kaedah Penilaian Kontingen (<i>Contingen Valuation Method</i>)
WTP	Kesanggupan Membayar Maksimum (<i>Willingness To Pay</i>)
WTA	Kesanggupan Menerima Minimum (<i>Willingness To Accept</i>)
TEV	Jumlah Nilai Ekonomi
TCM	Kaedah Kos Perjalanan (<i>Travel Cost Method</i>)
NG	Nilai Gunaan
NBG	Nilai Bukan Gunaan
NGL	Nilai Gunaan Langsung

NGTL	Nilai Gunaan Tak Langsung
NGP	Nilai Gunaan Pilihan
CM	Permodelan Pilihan
OLS	Teknik Kuasa Dua Terkecil
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Dalam separuh pertama Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), industri pelancongan kekal kukuh walaupun mengalami pertumbuhan ekonomi yang agak lembap dalam tempoh tersebut. Namun demikian, industri pelancongan kini merupakan tunjang utama kepada penyumbang pertukaran asing dimana ia mengukuhkan akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran, meningkat pertumbuhan ekonomi, pelaburan dan juga guna tenaga. Hasil gabungan penglibatan antara sektor swasta dan juga sektor awam dalam usaha mempelbagaikan pasaran yang meningkatkan daya saing produk dan pemasaran dan promosi bagi menarik jumlah kedatangan pelancong melawat ke Malaysia.

Pada tahun 2003, terdapat pelbagai peristiwa yang berlaku seperti peperangan di Iraq, penularan penyakit Sindrom Akut Pernafasan Teruk (SARS) dan harga minyak mentah yang semakin meningkat. Peristiwa-peristiwa ini telah memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi negara sekitar tempoh tahun 2003 sehingga tahun 2005, terutamanya di dalam sektor pelancongan di mana KDNK Negara telah mencatatkan 4.9 peratus, 6.2 peratus dan 5.0 peratus masing-masing pada tahun 2003, 2004 dan 2005. Pada tahun 2006 pula, pertumbuhan KDNK mula meningkat semula iaitu 5.4 peratus.

1.2 PRESTASI PELANCONGAN DI MALAYSIA

Dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9), agenda utama adalah untuk meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan global utama dan mempromosikan pelancongan domestik. Sektor pelancongan mencatatkan kesan pengganda yang tinggi dalam pelbagai sektor, maka lebih banyak inisiatif yang dilakukan untuk meningkatkan lagi kemudahan infrastruktur dan produk pelancongan agar pembangunan pelancongan mencapai kematangan. Strategi RMK 9 dalam mengukuhkan sektor pelancongan di Malaysia adalah :

1. Memastikan pembangunan pelancongan mapan.
2. Meningkatkan pembangunan produk dan perkhidmatan pelancongan yang inovatif.
3. Menggalakkan dan memudahkan pelancong domestik.
4. Menggiatkan aktiviti pemasaran dan promosi.
5. Meningkatkan pembangunan sumber manusia.
6. Menjamin keselamatan, keselesaan dan kebajikan pelancong.

Dalam Rancangan Malaysia Ke Lapan (RMK8), pendapatan akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran meningkat daripada 32.7 peratus pada tahun 2000 kepada 43.0 peratus pada tahun 2005. Manakala sumbangan bersih pelancong asing yang melancong ke negara Malaysia dan rakyat tempatan yang melancong keluar negara meningkat daripada RM 11.2 billion kepada RM 18.1 billion dalam tempoh yang sama.

1.2.1 PENDAPATAN PELANCONGAN DAN PERBELANJAAN PELANCONG

Pendapatan tukaran asing meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan purata 12.4 peratus daripada RM 17.3 bilion pada tahun 2000 kepada RM 31.0 bilion pada tahun 2005. Negara Asean merupakan penyumbang utama kepada pendapatan pelancongan sebanyak 68.7 peratus, diikuti oleh negara China sebanyak 5.1 peratus, United Kingdom sebanyak 2.5 peratus dan Australia sebanyak 2.3 peratus. Manakala sebanyak 33.1

peratus komponen perbelanjaan pelancong pula termasuk dalam penginapan kekal, 24.0 peratus adalah membeli-belah dan 24.0 peratus lagi adalah untuk keperluan makanan.

1.2.2 PRODUK DAN PERKHIDMATAN PELANCONGAN

Eko-pelancongan menekankan kepada pemuliharaan tarikan semula jadi seperti pusat perlindungan haiwan liar, taman negara, tanah tinggi dan juga pulau. Pelbagai acara pengembaraan dan lawatan serta ekspedisi khas akan disediakan supaya pelancong boleh menyertai pelbagai aktiviti berkaitan alam semulajadi terutamanya di Taman Negara Semenanjung Malaysia, Taman Kinabalu di Sabah. Disamping itu, kemudahan pelancongan seperti pusat maklumat dan penerangan serta kemudahan awam akan disediakan dan dinaiktaraf.

1.2.3 PELANCONGAN WARISAN

Pemuliharaan tempat bersejarah, bangunan dan bahan artifak akan terus menambah bilangan tarikan pelancong. Bagi melaksanakan strategi ini, beberapa tempat dan bangunan bersejarah dikenalpasti untuk dipulihara dalam tempoh rancangan. Tempat tersebut termasuk Kota Kuala Muda di Kedah, Fort Alice di Sarawak dan kawasan Neolitik Bukit Tengkorak di Sabah. Laluan bersejarah turut dibangunkan berdasarkan tema tertentu seperti warisan Baba Nyonya, era Portugis dan Belanda di Melaka, kawasan tinggalan perang di Kota Bharu serta Bunga Mas di Kedah dan Kelantan. Justeru itu, Bukit Puteri telah dikenalpasti sebagai salah satu aset yang terdapat di Negeri Terengganu yang berteraskan pelancongan warisan dan mempunyai bahan artifak bersejarah. Ini dibuktikan apabila Bukit Puteri telah dijadikan sebagai kubu pertahanan pada masa lalu lantaran kedudukan bukit ini yang tinggi amat sesuai sebagai sebuah kota pertahanan dan dapat mengawasi kapal-kapal musuh daripada memasuki muara. Kota yang dibina oleh Yang DiPertuan Besar Tengku Umar pada tahun 1830 berikutan perebutan kuasa untuk memerintah diantara baginda dan Yang DiPertuan Tun Raja

Mansur. Bukit Puteri juga menjadi perebutan kuasa antara beberapa pihak untuk menguasai pentadbiran di Kuala Terengganu.

1.2.4 PELANCONGAN DOMESTIK

Pelancongan domestik akan terus diutamakan dan dimajukan supaya menyumbangkan kepada perkembangan industri pelancongan. Program untuk mempromosi kembara domestik akan menumpukan kepada usaha memupuk budaya merancang percutian di kalangan masyarakat Malaysia dan menggalakkan rakyat tempatan menjelajah ke pelbagai tempat pelancongan yang menarik didalam negara. Sehubungan itu, pembangunan pelancongan mapan akan diberikan keutamaan memandangkan pemuliharaan alam sekitar menjadi semakin penting terutamanya dalam konteks pelancongan berhemah. Kerjasama erat antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri serta sektor awam dan juga sektor swasta akan terus diperkukuh dalam penggubalan strategi dan program pelancongan.

Kadar bilangan pelancongan domestik meningkat daripada 30.1 peratus pada tahun 2000 kepada 16.0 juta pada tahun 2005. Sementara bilangan pelancong domestik yang menginap di hotel pula meningkat sebanyak 15.4 juta dari pada tahun 2000 menjadikannya kepada 29.0 juta pada tahun 2005. Peningkatan ini mungkin disebabkan faktor kesedaran rakyat terhadap kualiti dan gaya hidup sihat serta peningkatan pendapatan isi rumah selain pengenalan penerbangan kos rendah (LCC) yang menawarkan perjalanan udara yang murah ke Sabah dan Sarawak. Selain itu pelaksanaan lima hari bekerja dalam sektor awam menyebabkan peningkatan kepada jumlah pelancong domestik. Antara lokasi yang mendapat tumpuan dan kunjungan daripada pelancong domestik adalah lokasi kajian Bukit Puteri yang terletak di Kuala Terengganu. Secara umumnya Bukit Puteri paling banyak menerima kunjungan daripada pelancong domestik berbanding pelancong asing. Ini kerana jaraknya yang agak dekat, di tengah bandar Kuala Terengganu berjaya menarik minat pengunjung domestik untuk singgah melihat nilai warisan yang terdapat di Bukit Puteri.

Sektor pelancongan di Malaysia telah diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan sejak pertengahan tahun 1980-an. Kepsatan perkembangan industri pelancongan bermula sejak Rancangan Malaysia Kedua (RMK2) ekoran daripada kebimbangan pergantungan yang kuat kepada komoditi utama seperti petroleum, minyak kelapa sawit, getah asli dan kayu balak. Kini industri ini telah menjadi salah satu di antara industri terpenting yang menyumbang kepada sumber pendapatan negara iaitu menjadi penyumbang utama pendapatan wang asing negara, pendapatan pelancong, imbalan pembayaran, peluang guna tenaga, pembangunan industri sokongan (makanan, pengangkutan dan industri desa) dan pembangunan wilayah.

Industri pelancongan sememangnya menjanjikan pulangan lumayan kepada sesebuah negara yang mempunyai sumber atau produk pelancongan yang pelbagai. Namun begitu, industri pelancongan di Malaysia kini dilihat sebagai sesuatu yang dinamik, berubah dan bergerak dengan cepat dan kadangkala tanpa kita sedari. Perubahan ini bergantung kepada faktor permintaan pelancong di mana peningkatan bilangan kedatangan pelancong merupakan aset utama dalam menentukan pencapaian industri pelancongan di sesebuah destinasi. Pada tahun 2004, Malaysia telah mencatatkan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa seramai 15.7 juta berbanding jumlah kedatangan pelancong pada tahun 2003 iaitu hanya 10.5 juta. Keuntungan kasar telah mengalami peningkatan sebanyak 39.3% iaitu dari RM 21 bilion kepada RM29 bilion, iaitu jumlah keuntungan yang paling tinggi dalam sejarah industri pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia, 2005*).

Kajian perlu dilakukan di destinasi ekopelancongan di Malaysia kerana sumber alam semulajadi merupakan antara produk dan tarikan utama dalam menarik kedatangan pelancong ke Malaysia (*Tourism Malaysia, 2004*). Terdapat banyak tarikan dan produk pelancongan yang menjadi aset kepada sumber pelancongan Malaysia. Aset inilah yang mampu menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang terkenal di dunia. Malaysia mempunyai pelbagai sumber seperti sumber semulajadi, sumber budaya dan warisan. Mengikut laporan "*Profile of Tourist 2004*", Malaysia merupakan destinasi

percutian kepada kebanyakan pelancong. Mengikut statistik antara sebab pelancong memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka.

1.3 PRESTASI PELANCONGAN DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Ibu Negeri Terengganu Darul Iman, iaitu Kuala Terengganu mempunyai keluasan tanah hampir 60, 528. 1 hektar yang mana ia meliputi sebanyak 4.65 peratus daripada jumlah keseluruhan Negeri Terengganu. Antara tarikan pelancong di daerah Kuala Terengganu ialah Masjid Tengku Tengah Zaharah, Pulau Redang, Pulau Duyung, Bukit Puteri, Pantai Batu Buruk, perusahaan tembaga, batik, perahu, bot, songket, dan keropok. Manakala daerah Besut dan Setiu masing-masing mempunyai keluasan 123 367.8 hektar (9.52 %) dan 130 436.3 hektar (10.11 %). Di daerah Besut dan Setiu, kawasan tarikan pelancong ialah Bukit Keluang, Pulau Perhentian, Kolam Air Panas, Lata Tembakah, Lata Belatan, Air Terjun Gunung Tebu dan Sungai Nyatoh. Antara destinasi pelancongan di Hulu Terengganu ialah Air Terjun Sekayu, Tasik Kenyir, Tempat Batu Bersurat, Gua (Gua Bewah Dan Gua Taat) Dan Gunung (Gunung Mandi Angin dan Gunung Padang).

Keluasan kawasan di daerah Marang adalah 5.14 peratus daripada keseluruhan Negeri Terengganu dan Dungun pula seluas 273 503.1 hektar. Di daerah Marang dan Dungun pula terdapat pusat kraftangan, lubuk mandi, Pulau Kapas, Rantau Abang, Bukit Besi, Tanjung Jara, Pantai Teluk Bidara, Pulau Tenggol, Gua Kelawar, dan Makam Megat Panji Alam. Manakala di Kemaman pula, destinasi pelancongan yang popular ialah di Kuala Kemaman, pelabuhan awal bijih timah dan Telaga Simpul. Daerah Kemaman meliputi 235,559.9 hektar iaitu bersamaan 19.57 peratus dari Negeri Terengganu. Negeri Terengganu juga terkenal dengan seni dan kebudayaannya yang unik. Hasil kraftangan seperti kain songket, batik, perak, tembaga, ukiran kayu dan kesenian lama seperti rodan, balai, saba dan gamelan serta masakan tradisional Terengganu juga menjadi tarikan pelancong ke Terengganu.

Jadual 1.0 : Keluasan Daerah Di Negeri Terengganu

Daerah	Luas Hektar	Peratusan (%)
Kuala Terengganu	60 528.1	4.65
Kemaman	235 559.9	19.57
Hulu Terengganu	387 462.6	29.9
Dungun	273 503.1	21.11
Besut	123 367.8	9.52
Marang	66 654.3	5.14
Setiu	130 436.3	10.11
Jumlah	130 436.3	100

(Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu)

Bukit Puteri mempunyai sejarah dan nilai warisannya yang tersendiri telah berjaya menarik ramai pengunjung domestik dan juga pengunjung asing sejak dahulu lagi. Hal ini menyebabkan Bukit Puteri menjadi lokasi bagi kajian penilaian ekonomi terhadap pemuliharaan ini. Lokasi Bukit Puteri strategik sebagai suatu tempat pelancongan kerana lokasinya yang berdekatan dengan Istana Maziah dan Masjid Abidin dan mula menjadi tumpuan penduduk tempatan serta menjadi daya tarikan pengunjung untuk melawat artifak bersejarah yang terdapat di Bukit Puteri ini. Berbanding dengan suatu ketika dahulu Bukit Puteri sekarang ini telah diperbaiki dan dibuka kepada orang ramai sebagai tempat bersejarah yang menarik. Untuk sampai ke atas Bukit Puteri ini pihak kerajaan telah membuat satu laluan mendaki dengan menggunakan anak tangga. Bukit Puteri telah diubahsuai dan dihias kembali supaya menjadi lebih menarik.

1.4 PENERANGAN TAJUK

Program membawa pengertian rancangan mengenai dasar dan cara menjalankan sesuatu menurut kamus dewan terbitan dewan bahasa dan pustaka. Sementara pemeliharaan dan pemuliharaan pula masing-masing membawa makna hal atau perbuatan memulihara, penjagaan dan perbelaan dan hal atau perbuatan memulihara. Maka, kajian Aplikasi Kaedah Penilaian Kontingen (CVM) Ke Atas Program Pemeliharaan Dan Pemuliharaan

Bukit Puteri, Terengganu membawa maksud sebuah perancangan penjagaan dan pemuliharaan terhadap bukit puteri dengan menggunakan kaedah penilaian kontingen (CVM).

1.5 LOKASI KAWASAN KAJIAN

Bukit Puteri berpotensi menjadi salah satu kawasan pelancongan yang berteraskan warisan dan mampu menarik lebih ramai pelancong datang mengunjungi Bukit Puteri dari masa ke masa.

a) Lokasi

Bukit Puteri merupakan sebuah kawasan pelancongan yang sangat strategik lantaran lokasinya yang berada di tengah-tengah Bandar Kuala Terengganu. Bukit Puteri terletak di antara pejabat pos besar Kuala Terengganu, Pasar Payang Baru dan Istana Maziah. Pemandangan dari atas Bukit Puteri merupakan satu suasana yang sangat indah. Lokasi Bukit Puteri juga strategik kerana berdekatan dengan hentian bas bandar dan juga bot penambang yang mana ia memudahkan para pelancong melawat ke lokasi.

b) Keaslian kawasan

Bukit Puteri merupakan sebuah kawasan yang sangat unik. Lokasi kajian ini juga mempunyai flora dan fauna disamping sejarahnya yang tersendiri. Keaslian kawasannya yang boleh dijadikan kubu pertahanan telah menyebabkan berlakunya pertelingkahan antara kuasa-kuasa besar pada suatu masa dahulu.

c) Nilai sejarah dan artifak

Bukit Puteri mempunyai sejarah pada suatu masa lampau. Lantaran tempat dan sejarah tersebut, banyak tinggalan sejarah seperti artifak-artifak yang telah digunakan pada suatu masa dahulu. Para pengunjung dapat melihat sendiri artifak- artifak yang terdapat di Bukit Puteri seperti genta, meriam beranak, kubu

pertahanan, kubur, dan pelbagai lagi artifak yang membuktikan bahawa Bukit Puteri begitu penting pada zaman pemerintahan suatu masa dahulu.

d) Pihak yang menyelenggara

Pada masa kini, Bukit Puteri diletakkan di bawah pemantauan Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT). Pelbagai proses pembaikan dan pemuliharaan yang telah dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab setakat ini bagi mengekalkan keaslian Bukit Puteri ini.

1.6 PENGURUSAN BUKIT PUTERI

Bukit Puteri dibawah pengurusan Muzium Negeri Terengganu Darul Iman. Terdapat beberapa unit yang terlibat secara langsung dalam pengurusan Bukit Puteri iaitu unit sejarah, unit pemuliharaan, unit promosi dan unit ekonomi dan sumber alam. Unit sejarah merupakan sebuah unit yang bertanggungjawab menyimpan dan mengumpul maklumat sejarah, artikal, contoh-contoh tesis, dan majalah mengenai Bukit Puteri. Unit pemuliharaan diterajui oleh Puan Ainah binti Mahmud dan beberapa kakitangan sokongan.

Tujuan utama penubuhan unit ini adalah untuk menjaga dan memulihara artifak yang terdapat di Bukit Puteri supaya terpelihara untuk tatapan generasi masa hadapan. Unit promosi yang terdapat di muzium pula ditelahi diketuai oleh cik Azlaizie yang mana menjalankan promosi dalam media cetak seperti risalah-risalah dan iklan melalui radio untuk mempromosikan Bukit Puteri supaya lebih dikenali oleh orang ramai dan tidak hanya terbatas kepada penduduk di Negeri Terengganu sahaja. Bukit Puteri merupakan salah sebuah tempat pelancongan yang berasaskan nilai warisan. Lokasinya yang terletak berhampiran dengan Istana Maziah, Masjid Abidin dan Pejabat Pos Besar Kuala Terengganu berkeluasan hampir 0.688 hektar dengan ketinggian lebih kurang 200 meter dari aras laut. Justeru, Kerajaan Negeri Terengganu telah mengambil pelbagai inisiatif dan langkah untuk mempertahankan keunikan Bukit Puteri ini dan mengekalkan nilai warisan

yang terdapat di lokasi supaya dapat dinikmati oleh generasi sekarang dan di masa akan datang.

1.7 PRESTASI PELANCONGAN DI KAWASAN KAJIAN


Temubual dilakukan dengan pihak pengurusan Bukit Puteri iaitu Puan Nor Ainah binti Mahmud yang merupakan Penolong Pengarah (Ketua Unit Pemuliharaan), Lembaga Muzium Negeri Terengganu Darul Iman. Maklumat yang diperolehi daripada proses temubual tersebut, diguna dan dijadikan panduan dalam pembentukan borang soal selidik. Antara maklumat yang diperolehi adalah bilangan pengunjung ke Bukit Puteri dan jumlah hasil kutipan daripada pengunjung yang datang ke Bukit Puteri.

Jadual 1.2 Jumlah Pelawat Di Bukit Puteri Pada Tahun 2000

Bulan/Jumlah	Dewasa	Kanak-Kanak	Jumlah Pelawat	Kutipan (RM)
Januari	1864	244	2108	1,986.00
Februari	1742	397	2139	1,940.50
March	1915	230	2145	2,030.00
April	2609	552	3161	2,885.00
Mei	2943	782	3725	3,334.00
Jun	2375	469	2844	2,609.50
Julai	1895	678	2573	2,234.00
Ogos	1759	656	2415	2,087.00
September	2251	703	2954	2,602.50
Oktober	1854	1608	3462	2,658.00
November	1576	824	2400	1,988.00
Disember	892	153	1045	968.5
Jumlah Pelawat	23675	7296	30971	27,323

(Sumber : Lembaga Muzium Negeri Terengganu)

JUMLAH KEHADIRAN PELAWAT DAN KUTIPAN (RM) PADA TAHUN 2000




Graf 1.1 : Jumlah Kehadiran Pelawat Dan Kutipan (RM) Pada Tahun 2000

Jadual 1.3 Jumlah Pelawat Di Bukit Puteri Pada Tahun 2003

Bulan/Jumlah	Dewasa	Kanak-Kanak	Jumlah Pelawat	Kutipan (RM)
Januari	1,363	125	1,488	1,425.50
Februari	1,731	133	1,864	1,797.50
March	1,730	398	2,128	1,929.00
April	1,732	665	2,397	2,064.00
Mei	1,882	553	2,439	2,127.50
Jun	1,902	508	2,410	2,135.50
Julai	1,722	510	2,232	1,977.00
Ogos	1,965	428	2,393	2,179.00
September	1,911	866	2,777	2,344.00
Oktober	1,710	1,412	3,122	2,416.00
November	474	367	841	657.5
Disember	971	1,364	2,335	1,653.00
Jumlah Pelawat	19,093	7,329	26,426	22,706.00

(Sumber : Lembaga Muzium Negeri Terengganu)

JUMLAH KEHADIRAN PELAWAT DAN KUTIPAN (RM) PADA TAHUN 2003



Graf 1..2 : Jumlah Kehadiran Pelawat Dan Kutipan(RM) Pada Tahun 2003

Berdasarkan statistik jumlah pengunjung Bukit Puteri pada tahun 2000 dan 2003 jumlah pengunjung masing-masing berjumlah 30,971 orang dan 26,426 orang. Pada tahun 2000, jumlah pengunjung dewasa adalah sebanyak 23,675 orang dan 7296 orang kanak-kanak manakala pada tahun 2003, jumlah pengunjung dewasa adalah sebanyak 19,093 orang dan 7329 orang kanak-kanak. Daripada jumlah pengunjung tersebut, jumlah hasil kutipan yang direkod adalah sebanyak RM 27,323 pada tahun 2000 dan RM22,706 pada tahun 2003.

1.8 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Kedudukan Bukit Puteri menghala ke Sungai Terengganu merupakan tempat pelancongan bersejarah yang mempunyai keunikannya yang tersendiri. Lokasinya yang terletak berhampiran dengan Istana Maziah, Masjid Abidin dan Pejabat Pos Besar Kuala Terengganu berkeluasan hampir 0.688 hektar dengan ketinggian lebih kurang 200 meter dari aras laut. Bukit puteri dimajukan atas inisiatif Lembaga Muzium Negeri Terengganu

dengan usahasama Kerajaan Negeri Terengganu. Sejumlah wang telah dibelanjakan bagi membaik pulih bukit ini sejajar dengan hasrat murni pihak berkenaan untuk menjadikan Bukit Puteri sebagai salah satu destinasi pelancongan.

Bukit Puteri dibuka kepada orang ramai pada 1 Januari 1991 dengan bayaran tiket sebanyak RM0.50 dan RM 0.20 bagi kanak-kanak dan telah beroperasi selama 6 hari dalam seminggu bermula dari 9.00 pagi sehingga 6.00 petang. Hasil jualan tiket yang diperolehi ditabungkan untuk kegunaan bagi memajukan lagi Bukit Puteri pada masa yang akan datang. Namun pada penghujung Disember 2007 sehingga Januari 2008 Bukit Puteri ditutup untuk sementara waktu bagi peningkatan tahap pengurusan dan pemuliharaan artifak-artifak yang ada di sana.

Mengikut sejarah bukit ini telah wujud sejak abad ke-16 dan pada abad ke-19 bukit ini telah menjadi rebutan untuk dijadikan medan pertempuran bagi beberapa pihak yang bertelingkah untuk menguasai pentadbiran di Kuala Terengganu. Kedudukan bukit ini yang tinggi amat sesuai sebagai sebuah kota pertahanan dan dapat mengawasi kapal-kapal musuh daripada memasuki muara.


1.9 ARTIFAK BERSEJARAH (NILAI WARISAN)

1.9.1 GENTA

Walaupun telah menelan usia beratus-ratus tahun namun masih terdapat beberapa artifak lagi di puncak bukit ini seperti genta (loceng besar), kubur, rumah api dan juga tiang bendera. Genta besar atau loceng ditempatkan di tengah-tengah kawasan bukit ini sejak beberapa keturunan pemerintah Negeri Terengganu dahulu. Genta ini diperbuat dengan menggunakan tembaga kuning dan istiadat menuangnya dilakukan di hadapan istana Maziah. Maka, ini menyebabkan cara pemuliharaan genta ini adalah agak cerewet kerana bahan yang digunakan agak sensitif. Namun demikian pihak pengurusan lembaga muzium tetap mengambil inisiatif tertentu bagi mengekalkan keadaan genta ini supaya

generasi di masa hadapan dapat mempelajari sejarah dan turut menghargai nilai warisan yang ada.


Genta ini mempunyai lilitan berukuran 228cm dan tingginya lebih kurang 78cm, sementara beratnya pula ialah 175kg. Genta ini diadakan atas tujuan-tujuan tertentu. Genta ini akan dibunyikan sebagai isyarat kepada penduduk kampung bila berlakunya kegemparan seperti kebakaran, kejadian amuk, serangan pihak musuh dan kegemparan-kegemparan besar yang lain. Kini genta ini telah ditempatkan di dalam sebuah pondok berjaring dikenali sebagai Pondok Genta.



Rajah 1.1 : Loceng/genta yang terdapat di Bukit Puteri

1.9.2 KUBU PERTAHANAN


Dari rentetan sejarah, jelas menunjukkan bahawa Bukit Puteri amat penting satu ketika dahulu sebagai kubu pertahanan yang kuat. Ini adalah mungkin disebabkan kedudukan fizikalnya yang begitu strategik yang menyukarkan pihak musuh menyerang. Kubu yang dibina oleh Baginda Umar ini dipercayai diperbuat daripada batu-bata, madu dan kapur. Kesan peninggalan kubu itu masih dapat dilihat dengan jelas hingga kini.



Rajah 1.2: Kubu Pertahanan yang terdapat di Bukit Puteri

1.9.3 RUMAH API

Rumah Api pula mempunyai ketinggian lebih kurang 10 meter yang terletak di penjuru kawasan kubu dan boleh dilihat dengan jelas dari muara Sungai Terengganu. Memandangkan penduduk-penduduk Terengganu ketika itu kebanyakannya adalah nelayan, maka Rumah Api ini amatlah penting untuk menentukan arah kepala muara Sungai Terengganu. Begitu juga bagi para pelayar yang sentiasa berulang alik berdagang ke serata Nusantara dengan perahu-perahu besar sejajar dengan aktiviti perdagangan yang begitu pesat sekali.



Rajah 1.3: Rumah api di Bukit Puteri

1.9.4 TIANG BENDERA

Satu lagi artifak bersejarah yang penting terletak di dalam kubu ini ialah tiang bendera. Tiang bendera ini mempunyai bentuk yang agak menarik dan canggih walaupun didirikan pada zaman lampau. Ianya tidak merupakan sebatang tiang semata-mata, tetapi mempunyai palang kayu di tengah-tengahnya sepanjang 5 meter. Kegunaan utama tiang bendera ini adalah untuk menaikkan bendera raja apabila satu-satu istiadat kebesaran diadakan. Mengikut fakta sejarah yang tercatat, tiang bendera ini telah didirikan dengan penuh istiadat kebesaran negeri dituruti dengan tembakan meriam sebanyak 16 das, semasa upacara menanam tiang dilakukan. Tingginya lebih kurang 18 meter dan ditanam sedalam 2 meter.

1.9.5 MERIAM BERANAK

Berhampiran tiang bendera ini juga terdapat satu runtunan pentas batu yang dipercayai digunakan sebagai singgahsana oleh pemerintah-pemerintah dahulu. Bersebelahan pentas batu ini terdapat pula sebuah lubang sebesar 1 meter persegi. Lubang ini dikatakan sebagai tempat menyimpan peluru meriam yang terdiri daripada pelbagai jenis untuk kegunaan semasa perang dahulu. Antaranya adalah buaatannya dari Negara Sepanyol dan Portugis dan dari Tanah Melayu sendiri.

Pada tahun 1941 hingga 1945, Tanah Melayu dikuasai oleh tentera-tentera Jepun, termasuk bandar Kuala Terengganu. Tentera-tentera Jepun, ketika itu telah banyak memindahkan meriam-meriam yang berada di atas Bukit Puteri ini untuk dihadiahkan kepada Kerajaan Siam pada masa itu amat berminat untuk menjadikan meriam-meriam ini sebagai harta rampasan perang. Namun begitu generasi hari ini amat bernasib baik kerana usaha-usaha itu telah menemui kegagalan. Ternyata jika usaha-usaha tentera Jepun itu berhasil, hilanglah satu bahan bersejarah yang menjadi simbol kekuatan kubu pertahanan Bukit Puteri pada hari ini.



Rajah 1.4 : Meriam beranak

1.9.6 KAWASAN PERKUBURAN

Di salah satu kawasan hujung bukit ini terdapat satu kawasan kecil yang dipercayai sebagai kawasan perkuburan pada satu masa dahulu. Ini berikutan adanya beberapa batu nisan dari berlainan bentuk. Namun begitu kawasan kaki Bukit Puteri satu ketika dahulu adalah merupakan kawasan perkuburan. Satu kawasan kubur lagi dikelilingi oleh runtunan batu seolah-olah sebuah kandang atau benteng bagi kubur tersebut. Kini kubur-kubur tersebut telah dipelihara dan dijaga keadaan sekitarnya supaya lebih terang dan jelas dilihat.

Maka, Bukit Puteri adalah lokasi yang dipilih dan amat sesuai untuk mengkaji artifak- artifak yang bersejarah. Hal ini bagi melihat faedah yang akan diperolehi dengan mengekalkan artifak-artifak sejarah tersebut kepada sektor pelancongan yang menjadi salah satu faktor penyumbang ekonomi negara. Bukit puteri mempunyai nilai sejarah yang tinggi dan patut dikekalkan agar nilai-nilai ini dapat dikongsi oleh generasi akan datang selain menjadi nilai warisan bagi menarik pelancong untuk berkunjung ke negeri Terengganu. Selain daripada itu Bukit Puteri juga adalah tempat yang menyimpan pelbagai kisah yang menarik untuk para pengunjung di situ.

1.9 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Negeri Terengganu Darul Iman adalah antara negeri-negeri di Malaysia yang memiliki kisah-kisah sejarah yang menarik. Bukit Puteri sekarang telah mula menjadi tumpuan penduduk tempatan dan menjadi daya tarikan pelancong untuk melawat warisan sejarah negeri ini. Berbanding dengan suatu ketika dahulu Bukit Puteri sekarang ini telah diperbaiki dan dibuka kepada orang ramai. Pihak Kerajaan Negeri Terengganu telah membuat satu laluan mendaki dengan menggunakan anak tangga sebagai jalan untuk mendaki bukit puteri yang tingginya hampir 200 meter dari aras laut. Bukit Puteri telah diubahsuai dan dihias kembali supaya menjadi lebih menarik. Bagi mereka yang ingin melepaskan penat lelah selepas bekerja, Bukit Puteri adalah tempat yang sesuai bagi merehatkan fikiran. Terdapat kemudahan infrastruktur yang disediakan untuk para pengunjung seperti kerusi-kerusi dan bangku yang disediakan untuk tujuan ini. Antara keunikan Bukit Puteri adalah lokasinya yang berdekatan dengan stesen bas, hotel, berhampiran dengan tempat menarik di Kuala Terengganu seperti Istana Maziah, Pasar Payang dan jeti bot penambang.

1.10 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam kajian ini, permasalahan utama yang dihadapi oleh pihak pengurusan Bukit Puteri adalah dari segi pemuliharaan terhadap material yang bernilai dan mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Kebanyakan artifak yang ada di Bukit Puteri telah berusia beratus-ratus tahun dan kebanyakan diantaranya yang mengalami rekahan pada monumen dan artifak tersebut, dan juga kelunturan warna. Bagi memulihara dan membaikpulih kerosakan ini pihak pengurusan terpaksa mengeluarkan kos yang berbeza-beza memandangkan dari segi sesetengah artifak yang terdiri daripada material yang berbeza seperti tembaga dan besi, kayu dan sebagainya. Jadi pemuliharaan yang di lakukan pada artifak tersebut adalah tidak sama di antara satu sama lain.

Selain daripada itu, terdapat juga masalah yang berpunca daripada "*vandalisme*" yang disebabkan oleh sikap individu-individu yang tidak bertanggungjawab terhadap penjagaan artifak yang ada di kawasan ini. Antaranya adalah sikap pengunjung yang suka membuang sampah merata-rata di lokasi ini menyebabkan lokasi yang mempunyai nilai warisan yang amat tinggi ini tercemar dan terpaksa ditutup bagi tujuan pemuliharaan dan menaiktarafkan dari segi bidang pengurusannya. Buktinya adalah apabila penutupan Bukit Puteri untuk sementara waktu bagi peningkatan tahap pengurusan dan pemuliharaan nilai-nilai warisan yang ada di sana. Hal ini bukan sahaja meningkatkan kos yang ditanggung oleh pihak pengurusan malah nilai warisan yang ada di Bukit Puteri juga akan turut terjejas.

Maka melalui kaedah penilaian kontinjen, kajian ini dilakukan bagi menilai sejauh manakah pihak pengunjung dan individu sanggup membayar sejumlah wang bagi tujuan pemuliharaan nilai-nilai warisan ini agar segala artifak yang ada pada hari ini tetap terpelihara untuk generasi di masa hadapan. Kuala Terengganu telah diiktiraf sebagai Bandaraya Warisan Pesisir Air, maka sektor pelancongan di Negeri Terengganu perlulah bergerak sejajar dengan peredaran tersebut. Ketelusan pihak pengurusan Bukit Puteri yang kurang mempromosikan sejarah dan warisan yang terdapat di Bukit Puteri secara meluas seperti tempat-tempat menarik lain di Kuala Terengganu ini telah menyebabkan ramai pengunjung lebih tertumpu kepada kawasan pelancongan yang lain seperti Batu Buruk, Masjid Terapung dan juga Masjid Kristal. Maka kajian ini dapat mengenalpasti nilai ekonomi terhadap pemuliharaan Bukit Puteri melalui kesanggupan membayar pengunjung ke atas program pemuliharaan Bukit Puteri yang dilakukan.

Kini program pemeliharaan dan pemuliharaan yang memberi nilai dalam pelancongan telah menjadi isu penting yang perlu dijadikan komponen dalam pembentukan dasar negara. Pada suatu masa dahulu ekonomi hanya membincangkan kepentingan peruntukan optimum faktor-faktor pengeluaran, barang dan perkhidmatan kerana dianggap sebagai sumber yang terhad. Kini sumber nilai warisan ini dahulunya dianggap sebagai barang percuma dan juga tidak memberi manfaat kepada pengguna.

Dalam sistem ekonomi, penentuan nilai atau harga sesuatu barangan dan berapa banyak barang itu hendak dikeluarkan adalah bergantung kepada interaksi antara pengeluar dan pengguna dalam pasaran. Walaubagaimanapun, dalam hal peruntukan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber nilai warisan, sistem pasaran bebas gagal melakukannya dengan cekap. Oleh itu, tingkat harga tidak dapat ditentukan. Oleh kerana tidak ada harga yang ditetapkan, maka wujudlah kecenderungan untuk mengeksploitasi sumber itu secara berlebihan. Tidak ada inisiatif bagi mana-mana pihak untuk menjaga atau mengekalkan penggunaan sumber tersebut.

Selain itu, sumber atau barang alam sekitar merupakan barangan awam dan sifat barang awam telah menyebabkan kegagalan pasaran dalam mencapai kebajikan masyarakat yang maksimum. Di dalam penggunaan barang awam atau kuantiti barang yang digunakan adalah sama, tingkat harga yang sanggup dibayar pula adalah berbeza-beza. Kesanggupan membayar ini menunjukkan penilaian yang diberikan oleh individu terhadap faedah yang diperolehi. Penggunaan barang awam mewujudkan kesan daripada penggunaan satu unit barang awam merupakan campuran semua faedah persendirian yang diperolehi individu-individu yang menggunakan barang tersebut.

Oleh yang demikian, hasil daripada penerokaan dan eksploitasi ini, Bukit Puteri menjadi semakin sensitif dan mudah musnah kepada apa-apa aktiviti. Justeru, program pemeliharaan dan pemuliharaan di Bukit Puteri adalah amat penting bagi mengetahui nilai kesanggupan membayar masyarakat terhadap program ini supaya ancaman dan kemusnahan nilai warisan dan nilai kewujudan ini dapat dibendung dan diambil tindakan segera dan seterusnya pembangunan dalam sektor pelancongan yang lebih mapan dapat dijalankan.

1.11 OBJEKTIF KAJIAN

1.12.1 OBJEKTIF UMUM

Mengkaji dan mengukur penilaian ekonomi terhadap pemuliharaan artifak yang mempunyai nilai warisan di Bukit Puteri, Kuala Terengganu dengan menggunakan kaedah penilaian ekonomi (CVM).

1.12.2 OBJEKTIF KHUSUS


- a) Menenalpasti nilai kesanggupan membayar maksimum masyarakat (*Willingness To Pay*) terhadap program pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Puteri.
- b) Menenalpasti tahap kesedaran pengunjung terhadap penilaian pemuliharaan sejarah tersebut.
- c) Menenalpasti faktor sosial, demografi dan psikologi yang memberi kesan kepada kesanggupan membayar masyarakat (WTP).

1.12 SKOP KAJIAN

Kajian kaedah penilaian kontingen (CVM) ke atas program pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Puteri ini difokuskan di sekitar kawasan Bukit Puteri dan Kuala Terengganu. Bukit puteri menerima jumlah kunjungan yang banyak kerana mempunyai keunikan tinggalan nilai warisannya yang tersendiri yang tidak terdapat dimana-mana lokasi lain. Lantaran menerima banyak kunjungan daripada pengujung domestik mahupun asing, maka artifak-artifak yang terdapat di Bukit Puteri sedikit sebanyak terjejas. Maka kajian dan penilaian terhadap barangan yang mempunyai nilai warisan ini perlu dilakukan agar pihak masyarakat dan pihak kerajaan perlulah lebih peka dan prihatin terhadap nikmat nilai warisan yang telah diperolehi daripada generasi masa lalu. Selain daripada itu, kajian ini juga dilakukan untuk menenalpasti faktor-faktor demografi, sosial dan psikologi yang akan mempengaruhi kesanggupan membayar maksimum (WTP) masyarakat terhadap barangan alam sekitar yang mempunyai keunikan dan nilai sejarah yang tersendiri.

1.13 ORGANISASI KAJIAN

Rajah 1.13 : Proses Penyelidikan Yang Sistematis



(Sumber :Chua Yan Piaw (2006),Ms 4,Rajah,1.2)

Penyelidikan merupakan suatu proses yang sistematik yang melibatkan proses merancang kaedah penyelidikan, mengumpul data, menghuraikan data dan melaporkan maklumat. Kajian merupakan satu kaedah yang dilakukan untuk memastikan maklumat yang diperolehi untuk memberi jawapan kepada sesuatu ketidakpastian. Bermula dengan permasalahan kajian, maka objektif kajian akan ditentukan daripada permasalahan kajian dan maklumat-maklumat yang diperolehi. Kemudian langkah seterusnya adalah dengan mengumpul rujukan bahan literatur sebagai penelitian terhadap kaedah yang pernah digunakan dalam kajian-kajian penyelidikan yang terdahulu. Dari situ, reka bentuk kajian akan dilakukan dan alat-alat yang akan digunakan akan ditentukan sebelum proses mengumpul data. Langkah seterusnya adalah menganalisis data bagi menentukan hasil kajian.

1.14 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada matlamat dan objektif kajian, penilaian ekonomi terhadap barangan yang mempunyai nilai warisan adalah sangat penting, contohnya artifak yang ada di Bukit Puteri seperti meriam beranak, rumah api, genta, kawasan perkuburan dan sebagainya. Kajian ke atas pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Puteri ini diharap akan memberi faedah kepada masyarakat dan juga pembuat keputusan. Dengan kajian ini diharap dapat meningkatkan tahap kesedaran pihak masyarakat tentang kepentingan menjaga dan memulihara nilai-nilai warisan yang telah dianugerahkan kepada kita seperti yang terdapat di Bukit Puteri. Disamping itu juga, semoga dengan adanya kajian ini dapat memberikan satu nilai pengukuran yang spesifik kepada pihak kerajaan untuk membuat dasar atau keputusan. Kesimpulannya pihak masyarakat dan pihak kerajaan haruslah berganding bahu untuk terus memelihara dan memulihara nilai warisan yang terdapat di Bukit Puteri.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 PENGENALAN

Bahagian ini akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas dari jurnal-jurnal dan buku-buku rujukan. Daripada kajian ini dapat diketahui methodologi dan juga teknik yang telah digunakan. Kajian dan bahan rujukan ini dijadikan sumber rujukan utama dalam membuat kajian ini. Tuckman, 1998 (dalam Nurhaiza,2000) menyatakan bahawa kajian lepas adalah bertujuan untuk membantu dan menyediakan pengkaji melihat beberapa perkara :

1. Idea mengenai pembolehubah–pembolehubah yang telah dibuktikan penting dalam bidang yang dikaji pengkaji.
2. Maklumat mengenai kajian yang telah dilakukan serta telah dihuraikan atau diaplikasikan dengan berkesan.
3. Perhubungan antara pembolehubah–pembolehubah yang dipilih untuk dikaji oleh pengkaji.

Dengan adanya kajian lepas, pengkaji dapat membuat rujukan dan panduan dalam melakukan kajian ini. Kajian–kajian lepas terdiri daripada kajian dalam negara dan luar negara.

Jadual 2.0: Perbelanjaan Dan Peruntukan Pembangunan Dan Pelancongan Bagi Tempoh 2001 – 2010 (RM Juta)

Program	RMKe- 8 Perbelanjaan	RMKe-9 Peruntukan
Perlindungan Alam Sekitar Dan Pengindahan	243.1	652.1
Kemudahan Infrastruktur Dan Penyenggaraan	459.4	1 034.8
Penginapan	31.7	115.0
Lain- Lain	49.4	46.0
Jumlah	783.6	1, 847.9

(Sumber : Unit Perancang Ekonomi Malaysia.)

Jadual diatas menunjukkan perbelanjaan dan peruntukan kerajaan dalam pembangunan dan pelancongan sepanjang tempoh 2001 sehingga 2010. dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8), kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 243.1 juta bagi program perlindungan alam sekitar dan pengindahan. Jumlah peruntukan bagi program ini meningkat kepada RM 652.1 juta pada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9). Kerajaan menyediakan peruntukan ini bagi memberi tumpuan kepada kombinasi program agar dapat memberikan pulangan kepada ekonomi negara sekaligus dapat meningkatkan industri pelancongan. Peruntukan yang diberikan ini bertujuan untuk meningkatkan lagi keselesaan kepada pelancong sekaligus dapat menarik lebih ramai pelancong melancong ke negara kita. Program utama yang akan dilaksanakan oleh kerajaan ini adalah termasuklah pemuliharaan dan membaikpulih tempat bersejarah yang ada di negara, pengindahan dan perlindungan alam sekitar, pembangunan produk pelancongan serta penyediaan tempat penginapan bagi memberikan keselesaan pelancong serta kemudahan infrastruktur yang berkaitan dengan pelancong. Seterusnya, bagi program kemudahan infrastruktur dan penyenggaraan pula kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 459.4 juta dan bagi program berunsurkan penginapan pula kerajaan membelanjakan sebanyak RM31.7 juta.

Namun demikian, bagi peruntukan pada Rancangan Malaysia seterusnya bagi program tersebut masing-masing mendapat peruntukan sebanyak RM 1 034.8 juta dan RM 115.0 juta. Keadaan ini sekali gus menunjukkan bahawa kerajaan benar-benar komited dalam memajukan industri pelancongan sesebuah negara yang terkenal dalam sektor pelancongan. Lantaran itu, akan menyebabkan Malaysia terus dikenali di negara asing. Bagi lain-lain program pula kerajaan membelanjakan sebanyak RM 49.4 juta pada Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) dan pada Rancangan Malaysia Kesembilan(RMK9) kerajaan mendapat peruntukan sebanyak RM 46 juta yang mana ini melengkapkan jumlah peruntukan secara keseluruhan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9) sebanyak RM 1,847.9 juta dan perbelanjaan pada Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) pula telah menelan belanja sebanyak RM 783.6 juta sepanjang tempoh rancangan.

2.2 DASAR PELANCONGAN MALAYSIA

Sektor pelancongan ini dijangka akan mengambil peranan yang lebih besar dalam merangsang dan menjana pertumbuhan ekonomi bagi tempoh RMK-8. Justeru itu, untuk tempoh RMK-9 ini, dijangkakan industri pelancongan ini akan terus berkembang dengan lebih pesat dan menjadi penyumbang utama dalam hasil pendapatan negara. Ketibaan pelancong mengalami pertumbuhan pada kadar purata 6.9 peratus setahun untuk mencapai 14.3 juta pada tahun 2005. Peningkatan yang berterusan dalam produk dan perkhidmatan pelancongan, pemasaran dan promosi, infrastruktur dan juga kerangka institusi dan kawalselia, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk memperolehi faedah daripada industri pelancongan.

Dalam sektor pelancongan ini, terdapat dasar pelancongan negara yang bertujuan untuk membangunkan industri pelancongan ini. Teras dasar menyeluruh sektor pelancong adalah untuk mencapai pertumbuhan pelancongan mapan bagi merealisasikan potensi penuh kesan guna tenaga dan penjanaan pendapatan di peringkat negara, negeri dan tempatan. Bagi tujuan ini, pembangunan pelancongan akan dilaksanakan mengikut

keutamaan dan tumpuan bagi mencapai kesan terbaik daripada sumber yang diperuntukkan. Strategi pembangunan pelancongan yang akan dilaksanakan dengan giat adalah seperti berikut iaitu menekankan pelancongan yang mapan, memberi tumpuan kepada pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu dalam pembangunan pelancongan, melaksanakan pembangunan produk dan promosi yang memberi tumpuan kepada pelanggan, meningkatkan pembangunan produk dan promosi yang memberi tumpuan kepada pelanggan, meningkatkan pembangunan sumber manusia, menyediakan dan meningkatkan rangkaian perhubungan, memastikan keselesaan, keselamatan dan kesejahteraan pelancongan serta membentuk pakatan strategik. Selain itu, teras dasar pelan juga untuk menampilkan Malaysia sebagai destinasi yang menarik dan unggul di mata dunia.

Membolehkan industri pelancongan mencapai tahap yang maju dan yang lebih tinggi usaha akan ditumpukan pada program yang mempunyai impak yang besar dalam menarik. Ini kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai perayaan dan acara menarik sepanjang tahun. Seterusnya, pembangunan sumber manusia diselaraskan dan diberi keutamaan. Justeru, pakatan strategik dan kerjasama antarabangsa akan diperkukuhkan untuk meningkatkan lagi promosi dan pembangunan pelancongan.

2.3 KAJIAN LEPAS

Pengkaji ekonomi telah melakukan pelbagai kajian-kajian yang mana mereka mengkaji tentang gelagat individu apabila melibatkan kesanggupan membayar bagi memelihara dan memulihara barangan alam sekitar dan barangan yang mempunyai nilai warisan. Terdapat juga kajian yang dilakukan dengan menggunakan pelbagai kaedah penilaian ekonomi seperti kaedah penilaian kontingen (CVM) dan juga kaedah kos perjalanan (TCM). Tokoh yang mencipta rangka kerja bagi bidang penilaian ekonomi alam sekitar ini adalah Cirlary iaitu sekitar tahun 1947 dan pertama kali digunakan pada tahun 1963 oleh Davis.

Prof. Madya Dr. A. Ghafar Ahmad dan Dr. Nurwati Badarulzaman dalam kajian perancangan dan pengurusan pelancongan yang berteraskan warisan sejarah dan seni bina di Malaysia telah mengkaji pelancongan warisan sebagai salah satu produk pelancongan yang berpotensi untuk dimajukan setanding dengan produk pelancongan yang lain di Malaysia seperti alam semulajadi, syurga membeli-belah dan budaya tempatan. Pelancongan warisan yang semakin penting di negara barat dan Asia telah membuka cabaran baru kepada produk warisan Malaysia untuk turut ditonjolkan di mata dunia. Persoalan asas kajian ini adalah sama ada tapak warisan di Malaysia mempunyai keistimewaan dan keunikan untuk memikat para pengunjung atau pelancong tempatan dan luar negara.

Kajian ini mengupas persoalan dasar tersebut secara terperinci melalui kaedah kajian kes. Justeru, sebanyak 11 buah lokasi tapak warisan yang penting di seluruh Malaysia telah dikenalpasti. Kajian ini meliputi tiga aspek utama iaitu kajian pengamatan di tapak, soal selidik para pengunjung ke tapak warisan dan sesi temubual dengan pihak pengurusan tapak warisan tersebut. Hasil analisis menunjukkan kesemua 11 buah tapak warisan tersebut mempunyai keaslian dan keunikan yang tersendiri yang boleh dikomersilkan bagi tujuan pelancongan warisan. Namun begitu, beberapa faktor sokongan seperti akses ke tapak, kemudahan pengangkutan awam, kemudahan awam, penyediaan landskap, penyelenggaraan bangunan dan persekitaran, serta aspek pemasaran perlu diperbaiki supaya tapak warisan lebih mesra pengunjung atau pelancong. Kajian ini turut mengemukakan cadangan penambahbaikan tapak warisan sediaada di Malaysia agar pengalaman berkunjung ke tapak warisan akan sentiasa tersemat dalam ingatan para pengunjung atau pelancong.

Sementara itu, dalam kajian mengenai analisis pilihan pelancong di dalam sesuatu situasi yang dijalankan oleh Bendict Dellaert, Dick F. Etterna Christer Lindh (1998) dimana ia dibahagikan kepada beberapa komponen. Komponen-komponen tersebut adalah terdiri daripada komponen-komponen yang berbeza bagi suatu pakej pelancongan dimana pelancong perlu membuat keputusan samada untuk memilih destinasi perjalanan

mengikuti struktur kebebasan. Misalnya pelancong yang ingin melancong pada masa cuti sekolah dimana ia adalah merupakan pilihan masa yang tepat untuk melancong. Berdasarkan kajian ini, pelancong juga perlu membuat keputusan tentang aktiviti yang ingin dilakukan setibanya di destinasi pilihan tersebut nanti.

2.3.1 KESANGGUPAN MEMBAYAR (WTP)

Selain daripada itu juga, terdapat kajian-kajian lepas yang menggunakan teknik nilai kesanggupan membayar (WTP) atau kesanggupan menerima (WTA) pengguna untuk meletakkan suatu nilai ekonomi terhadap barangan alam sekitar dan barangan yang mempunyai nilai warisan yang dikaji.

Dalam kajian '*The Willingness To Pay To Remove Billboards And Improve Scenic Amenities*' yang dihasilkan oleh gabungan penulis-penulis Peter A. Groothuis, John C. Whitehead dan Jana D. Groothuis telah menggunakan kaedah penilaian kontingen (CVM) untuk mengukur jumlah kesanggupan membayar (WTP) maksimum rakyat bagi membaiki kemudahan-kemudahan gunung yang menjadikan tarikan melalui kaedah penanggalan pelekat/tempelan. Didapati bahawa individu mempunyai kecenderungan yang berbeza terhadap penggunaan tanah dan pemandangan gunung berbanding individu generasi terdahulu yang tinggal di Negara Watauga. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati rakyat sanggup untuk membayar hampir setengah million untuk menghapuskan pelekat/ tempelan dari tepi jalan Negara Watauga.

Sementara itu, kajian yang mengukur kesensitiviti responden dalam temubual dengan menggunakan kaedah penilaian kontingen (CVM) ini dikaji oleh Chilton S.M dan Hutchinson W.G (2003) yang mana mereka telah mengkaji kepentingan respon penawaran untuk meningkatkan kuantiti penggunaan barang alam sekitar kepada ekonomi. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa kesanggupan membayar (WTP) adalah signifikan dengan tahap kesensitiviti responden yang di soalselidik dimana keputusan mendapati bahawa responden yang sensitif terhadap barang alam sekitar mempunyai nilai kesanggupan membayar (WTP) yang tinggi, iaitu sebanyak US \$ 85.

Dalam sebuah kajian yang dilakukan di Ireland, Hutchinson W.G dan Chilton S.M (1999) telah menggunakan kaedah penilaian kontingen (CVM) dengan menggabungkan keutamaan dalam beberapa alternatif program perhutanan akan datang. Ia memberikan impak positif kepada alam sekitar disamping semua program baru yang dilaksanakan akan menarik lebih ramai pengunjung untuk menggunakan barangan alam sekitar ini.

Sementara itu, pengkaji Hanemann (1991), mengatakan bahawa penggunaan soal selidik di dalam kaedah penilaian kontigen (CVM) melalui pilihan dichotomous adalah lebih efisien dan boleh dipertingkatkan lagi. Ini adalah dengan cara menanyakan setiap responden dengan soalan pilihan dichotomous ke dua. Pendekatan "*double- bounded*" ini menunjukkan lebih efisien berbanding pendekatan "*single- bounded*" dimana ia adalah bergantung kepada responden tersebut menjawab soalan pertama. Jika soalan pertama responden menjawab "ya" ,soalan kedua pula diberi dalam jumlah yang lebih tinggi daripada soalan pertama. Sebaliknya, jika soalan pertama responden menjawab "tidak" , soalan kedua adalah jumlah amaun yang lebih kecil daripada soalan pertama.

Pengkaji Brandly S .Jurgensen, Mathew A Wilson,1991 pula telah membuat dua analisis terhadap tindak balas kesanggupan membayar (WTP) apabila berlaku perbezaan hubungan kumpulan dan kepercayaan mengenai barangan awam. Hasil kajian bagi analisis pertama menunjukkan kesanggupan membayar (WTP) adalah signifikan terhadap kumpulan orang tua, kumpulan berpendapatan rendah, berkeluarga manakala individu yang berpendidikan rendah adalah tidak sanggup membayar. Dimana golongan warga tua lebih suka tidak membayar bagi setiap jenis barang awam. Golongan lelaki lebih suka kepada kesanggupan membayar untuk biodiversiti dan hidupan liar. Manakala responden yang lebih tinggi tahap pendapatan dan berpendidikan lebih kesanggupan membayar untuk biodiversiti dan kualiti air. Sementara keputusan bagi analisis kedua ialah kepercayaan mengenai barangan awam, di mana responden percaya bahawa membayar bagi sebahagian kualiti air lebih baik daripada membayar untuk semuanya. Responden juga percaya mengenai keadilan membayar untuk bayaran alam sekitar mungkin tersebar luas dalam kajian penilaian kontingen. Kepentingan dalam keputusan kesanggupan

membayar (WTP), kekuatan kepada variasi dalam sesuatu skop barangan awam yang sebahagiannya adalah tidak bersandar.

Satu kajian yang membandingkan jantina kanak-kanak dalam sesebuah institusi keluarga boleh mempengaruhi kesanggupan membayar (WTP) telah dilakukan oleh Diane P. Dupont (2004). Beliau menggunakan tiga hipotesis dalam kajian dan hasil kajian mendapati bahawa kanak-kanak lelaki lebih signifikan terhadap sesuatu barangan alam sekitar berbanding kanak-kanak perempuan.

2.3.2 KAEDAH PENILAIAN KONTINGEN (CVM)

Bagi kajian yang berasaskan konsep pemeliharaan atau pemuliharaan barangan alam sekitar dan barangan yang mempunyai nilai warisan kebanyakannya menggunakan kaedah penilaian kontingen bagi mendapatkan keputusan yang terbaik bagi hasil kajian tersebut.

Kajian "*The Contingen Valuation Method: A Review*" adalah mengkaji keadah nilai yang tiada dalam pasaran (*non-market value*) yang digunakan secara meluas dalam analisis kos faedah (CBA) dan kajian kesan terhadap alam sekitar. L. Venkatachalam telah mengaplikasikan kaedah penilaian kontingen (CVM) ini. Kajian ini begitu menekankan pengukuran dalam kesahan dan kepercayaan sesuatu isu yang timbul dari bias atau ralat yang berbeza dan pemerhatian atau ujian yang berkaitan dan isu metodologi mengenai kaedah penilaian kontingen (CVM). Kaedah ini adalah suatu kritikan melalui dua aspek iaitu dari sudut kesahan dan kepercayaan terhadap keputusan yang diterima dan juga kesan kepada pelbagai bias dan ralat.

Stefan Gosling Et.Al (2004) dalam kajiannya yang bertajuk analisis pelancongan secara efisien telah menemui satu kesimpulan bahawa apabila adanya pelancongan atau sesuatu perjalanan ke sesuatu tempat berlaku maka akan wujudnya penggunaan kuasa fosil yang menyebabkan berlakunya fosil. Hal ini akan menyebabkan berlakunya masalah alam sekitar. Walaubagaimanapun industri pelancongan ini merupakan salah satu sektor yang terpenting dalam ekonomi dunia. Hasil kajian ini menyatakan bahawa kerosakan

alam sekitar sebenarnya ada perkaitan dan saling mempengaruhi dengan sektor pelancongan.

James spurgeon (2000) pula telah melihat perspektif kestabilan kewangan terumbu karang melalui penilaian jumlah ekonomi. Beliau menggunakan kaedah penilaian kontingen (CVM) dan juga turut menggunakan analisis kesan alam sekitar dan ekonomi alam sekitar. Kesan daripada taman laut dan terumbu karang banyak faedah yang boleh diperolehi secara langsung atau tidak langsung. Hasil kajian beliau yang dijalankan di taman laut Kisike, pendapatan Negara Carribean yang diperolehi melalui US \$ 1.6 juta di mana purata perbelanjaan bagi seorang individu adalah sebanyak US \$ 5. Purata untung bersih pula diperolehi sebanyak US \$ 140, 000 setahun.

Selain itu, F. Satoshi R. Kitamura dan suda. H (2004) dalam kajiannya yang berjudul "*Contingen Valuation Method Can Be Increase Procedural Justice*". Penulis-penulis ini menggunakan kaedah penilaian kontingen (CVM) yang mana ia menambahkan peraturan kerja secara adil di kawasan kajian, Yokushima, Jepun dengan mengaplikasikan kaedah penilaian kontingen (CVM).

Sebaliknya, penulis Nikoleta Jones, Costas M. Sophoulis, dan Chrisovaladis Malesios juga menggunakan kombinasi kaedah penilaian kontingen (CVM) dan kesanggupan membayar (WTP) di dalam kajian mereka yang bertajuk '*Economic Valuation Of Coastal Water Quality And Protest Responses: A Case Study In Mitilini, Greece*'. Kajian ini menilai keputusan faedah persekitaran daripada pembangunan "*Sewage Treatment Plant*" di Mitilini, Greece. Kesan yang dikenalpasti adalah pembaikan kualiti air di tepi laut dan impaknya pada masa akan datang kesan daripada aktiviti rakyat. Hasil kajian mendapati bahawa jumlah yang signifikan adalah sifar dan bantahan jawapan-jawapan, ukuran-ukuran berbeza kesanggupan membayar (WTP) yang bermakna adalah dikira dan keperluan untuk penyelidikan lanjut melalui faktor-faktor kemasyarakatan yang ditekankan mempengaruhi penilaian individu.

Manakala Soloman B. Det. Al (2004) telah mengkaji mengenai duyung dan eko-pelancongan di Pulau Florida dalam menyelamatkan nilai piawai minimum. Kajian ini menggunakan kaedah penilaian kontingen (CVM) bagi mengukur nilai kesanggupan membayar (WTP) bagi nilai barangan alam sekitar (duyung) yang semakin pupus di Florida. Keputusan kajian mendapati bahawa penjagaan duyung di Citrus Countra adalah meningkat daripada \$8.2 juta kepada \$ 9 juta. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan dengan nilai eko-pelancongan di Pulau Florida dengan duyung yang semakin pupus.

Sementara Jamal (2000) dalam kajiannya telah mengaplikasikan kaedah penilaian kontingen (CVM) dan telah membuat penilaian keatas nilai bukan gunaan terhadap hutan bakau Matang, di Perak. Responden yang dipilih adalah terdiri daripada golongan yang tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan sumber hutan bakau, di Larut Matang, Perak. Hasil daripada kajian mendapati bahawa setiap isi rumah bukan pengguna (*non-user*) di Perak sanggup membayar antara RM10 hingga RM17 setahun bagi mengekalkan hutan bakau ini dalam keadaan sedia ada.

Jurnal "*The Three Economics Values Of Culture Heritage: A Case Study In The Netherlands*" pula dikaji oleh E.C.M Ruigrok dimana penulis menggunakan kaedah penilaian kontingen (CVM) yang mengkaji betapa pentingnya pemuliharaan warisan sejarah melebihi kos. Terdapat tiga faedah yang berbeza yang dikira iaitu penyelesaian dalam perumahan, nilai sesebuah rekreasi dan nilai yang diwarisi di kawasan kajian Tietter dan Culemborgerward. Nilai rekreasi dan nilai sesuatu yang diwarisi ditafsirkan melalui kaedah penilaian kontingen (CVM) dengan menggunakan pasaran hipotetikal dan mengemukakan soalan berasaskan kesanggupan membayar (WTP). Hasil mendapati bahawa melabur dalam menjaga warisan melalui faedah yang akan diperolehi iaitu nilai kesanggupan membayar (WTP) pengguna berubah dari \$ 0.6 kepada \$ 261 bagi setiap isi rumah.

Manakala sebuah kajian pemuliharaan yang di lakukan oleh Wong U.S (2003) pula mengkaji penilaian ekonomi terhadap terumbu karang di Pulau Phi Phi, Thailand. Pengkaji ini mendapati bahawa pelancong sanggup membayar sebanyak 287 Bath bagi satu lawatan dan hasil daripada kajian ini, kadar kupon yang dikenakan untuk masuk ke Pulau Phi Phi ditingkatkan daripada 20 Bath kepada 40 Bath. Ini menunjukkan bahawa kemusnahan kawasan rekreasi yang mempunyai nilai kewujudan (terumbu karang) akan menyebabkan nilai masa kini dan masa hadapan pelancong musnah.

Selain daripada itu, pengkaji Bannet R.M (1995) telah melihat keberkesanan pembentukan undang- undang terhadap penjagaan binatang dengan menggunakan kaedah penilaian kontingen (CVM). Kajian ini menilai kesanggupan membayar pengguna untuk turut serta dalam penjagaan binatang yang mana hasil kajian mendapati bahawa sebanyak £550 nilai kesanggupan membayar individu terhadap penjagaan binatang.

Dixon J.A (1990) telah mengkaji ekonomi dan analisis ekologi di Taman Laut Bonaire. Beliau melihat kos dan faedah di dalam sektor pelancongan terutamanya kesanggupan membayar bagi seseorang individu untuk masuk ke kawasan tersebut. Beliau telah menggunakan kaedah CVM. Bagi seseorang individu yang datang melawat ke taman laut tersebut akan mengeluarkan kos sebanyak US \$28,000 daripada jumlah pendapatan tahunan iaitu US \$512,000.

2.4 KESIMPULAN

Pelbagai bahan yang berkaitan dengan pelancongan berteraskan warisan telah dibaca dan dianalisis oleh pengkaji dalam usaha memahami teori-teori, kaedah atau metodologi yang telah diaplikasikan oleh kajian-kajian lepas. Melalui sorotan literatur yang telah di buat dalam negara mahupun luar negara, ia telah banyak membantu pengkaji memahami secara keseluruhan aspek yang hendak dikaji bagi memudahkan kajian yang hendak dijalankan. Berdasarkan maklumat dan objektif kajian ini, adalah amat penting penilaian ke atas program pemeliharaan dan pemuliharaan di Bukit Puteri

dilakukan. Dengan mengetahui nilai kesanggupan membayar tersebut, masyarakat akan lebih peka dan menghargai kepentingan alam sekitar. Penilaian ke atas kawasan Bukit Puteri ini banyak memberikan impak yang positif kepada masyarakat dan pihak kerajaan. Oleh itu, ia perlu dijaga dan di pelihara untuk kegunaan generasi di masa akan datang. Selain itu, Bukit Puteri ini mempunyai banyak khazanah dan keunikan yang perlu dijaga. penilaian yang dibuat juga akan memberi nilai ekonomi kepada Bukit Puteri agar ia lebih dihargai dan dijaga.

BAB 3

METHODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN


Metodologi kajian akan membincangkan tentang kaedah yang akan digunakan dalam menjalankan kajian kelak. Antara aspek yang akan diambil kira ialah reka bentuk kajian, pemilihan lokasi kajian, pemilihan populasi dan sampel kajian, proses pengumpulan data dan model kajian. Kaedah-kaedah adalah seperti menggunakan pendekatan temuduga dengan pihak pengurusan (*interview*), teknik penilaian kontingen (*contingent valuation method*), dan melalui kaedah soal selidik.

Penilaian alam sekitar kebiasaannya menggunakan kaedah jumlah nilai ekonomi (TEV) dimana terdapat beberapa kaedah yang digunapakai dalam pengaplikasian pengukuran nilai barangan alam sekitar iaitu kaedah kos perjalanan (TCM), kaedah harga bayangan (*shadow price*), kaedah hidonik, kaedah penilaian kontingen (CVM) dan sebagainya. Maka, dalam kajian ini kaedah penilaian kontingen (CVM) untuk mengkaji nilai yang diletakkan oleh masyarakat ke atas barangan nilai warisan yang terdapat di Bukit Puteri. Kajian ini penting untuk melihat sejauh mana tahap kesedaran pihak masyarakat dan kerajaan tentang kepentingan memelihara dan memulihara nilai warisan dari sudut ekonomi yang terdapat di Bukit Puteri.

3.1 JUMLAH NILAI EKONOMI (TEV)

Penilaian jumlah nilai ekonomi mengukur dan membandingkan pelbagai faedah sumber, ekosistem dan peningkatan kualiti alam sekitar yang mana kaedah-kaedah ini dinilai dalam bentuk kuantitatif barang dan perkhidmatan alam sekitar, contohnya dalam bentuk nilai wang. Bagi barangan alam sekitar yang sedia ada tanpa melibatkan sebarang kos, kesanggupan membayar (WTP) boleh mewakili faedah bagi komoditi tersebut samada dengan atau tanpa bayaran, contohnya rekreasi di pinggir pantai. Penilaian barangan alam sekitar boleh diterangkan dengan menggunakan kaedah jumlah nilai ekonomi (TEV). Ahli ekonomi telah menggunakan jumlah nilai ekonomi untuk menilai sumber dan barangan alam sekitar. Kaedah ini sangat banyak diaplikasikan dalam banyak kajian- kajian yang dilakukan oleh penulis- penulis yang terdahulu lagi. Jumlah nilai ekonomi (TEV) boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu nilai guna (NG) dan bukan nilai guna (NBG). Kedua-duanya adalah untuk menilai sumber alam sekitar. Nilai guna adalah faedah yang diperolehi akibat daripada penggunaan barangan atau perkhidmatan sumber dari alam sekitar. Nilai guna (NG) terbahagi kepada tiga iaitu nilai guna langsung (NGL), nilai guna tak langsung (NGTL) dan juga nilai pilihan. Nilai guna langsung adalah nilai akibat penggunaan sumber seperti penggunaan buah-buahan, minyak dan sebagainya.

Manakala nilai guna tak langsung (NGTL) adalah nilai fungsi perkhidmatan ekologi seperti rekreasi, habitat paya bakau dan kawasan kawalan banjir. Nilai guna pilihan berada diantara nilai guna dan nilai bukan guna yang mana nilai pilihan membawa maksud nilai pilihan antara menggunakan dan tidak menggunakan pada masa hadapan. Nilai guna pilihan (NGP) adalah jumlah premium yang sanggup dibayar oleh masyarakat untuk mengelakkan daripada risiko kemusnahan sumber pada masa akan datang. Contohnya kesedaran tentang kegunaan tiram sebagai sumber perubatan yang penting di masa akan datang dan nilai ini tidak berhubung dengan penggunaan masa kini.




(Sumber : Ian J. Bateman et.al. (2002). M.s 30, rajah 1.4.)

Nilai bukan guna adalah penting kepada manusia walaupun digunakan secara langsung atau tidak langsung. Dua jenis nilai bukan guna iaitu nilai warisan dan nilai kewujudan. Nilai warisan membawa maksud nilai yang diberikan oleh masyarakat agar sesuatu sumber alam sekitar dapat diwarisi kepada generasi pada masa akan datang sementara nilai kewujudan pula adalah merujuk kepada faedah yang diperolehi oleh masyarakat dengan hanya mengetahui tentang kewujudan sesuatu sumber alam sekitar walaupun tidak pernah melihat atau bercadang menggunakannya.

3.2 TEKNIK PENILAIAN

Kesemua teknik penilaian bertujuan untuk mendapatkan nilai kesanggupan membayar maksimum (WTP) ataupun nilai kesanggupan menerima minimum (WTA). WTP adalah jumlah maksimum yang sanggup dibayar oleh individu untuk mendapatkan faedah atau mengelakkan kerugian daripada kemusnahan barangan alam sekitar. Contohnya adalah individu yang sanggup membayar bagi mengekalkan kualiti alam sekitar dan faedah kemudahan dari Air Terjun Sekayu. Sebaliknya nilai kesanggupan menerima (WTA) adalah jumlah minimum yang sanggup diterima oleh individu sebagai pampasan ataupun faedah menerima kesan pantulan daripada nilai yang diterima samada membawa faedah ataupun kesan negatif. Contohnya kesanggupan individu menerima pampasan yang akan memusnahkan kualiti alam sekitar.

Rajah 3.2 : Kesanggupan Membayar (WTP) Dan Kesanggupan Menerima (WTA)



Rajah di atas menggambarkan nilai kesanggupan membayar (WTP). Didapati nilai maksimum yang sanggup dibayar oleh seseorang individu untuk mendapatkan dan mengelakkan kemusnahan barangan alam sekitar berada di bahagian atas yang mana nilai

yang sanggup dikeluarkan oleh individu juga lebih tinggi berbanding jumlah kesanggupan menerima individu yang berada di bahagian bawah yang menunjukkan nilai kesanggupan menerima yang paling minimum oleh individu sebagai pampasan sesebuah projek alam sekitar.


Terdapat dua teknik penilaian ekonomi iaitu teknik keutamaan didedah dan teknik keutamaan dinyatakan. Teknik keutamaan didedah boleh diklasifikasikan kepada empat jenis iaitu model pilihan diskret, pendekatan kos perjalanan, harga hidonik dan juga gelagat mengelak. Model pilihan diskret mempunyai beberapa alternatif pilihan yang akan mempengaruhi kepuasan daripada alternatif yang dipilih. Pendekatan kos perjalanan pula diaplikasikan dalam penilaian aset rekreasi melalui perbelanjaan perjalanan yang dilakukan oleh seseorang individu pengguna sementara harga hidonik merupakan kaedah yang mengukur kesan perubahan dalam pasaran buruh atau pun hartanah. Gelagat mengelak membabitkan perbelanjaan yang sanggup dibuat bagi mengelakkan kesan yang tidak dikehendaki seperti pemasangan alat amaran kebakaran. Teknik keutamaan yang dinyatakan pula adalah berasaskan kepada persoalan atau keadaan yang direka secara hipotetikal. Teknik ini terbahagi kepada dua pemodelan iaitu penilaian kontingen (CVM) dan juga pemodelan pilihan (CM). Kedua-dua kaedah ini membentuk pengukuran yang boleh diperolehi adalah dari segi nilai kesanggupan membayar bagi mendapat atau mengelak sesuatu dari berlaku.

3.3 KAEDAH PENILAIAN TOKSONOMI

Antara teknik- teknik yang digunakan untuk menilai barangan alam sekitar adalah teknik kos perjalanan (TCM), teknik penilaian kontingen (CVM), teknik hedonik dan sebagainya. Kesemua teknik- teknik yang diaplikasikan adalah bertujuan untuk melihat nilai kesanggupan membayar (WTP) atau nilai kesanggupan menerima (WTA) samada ia memberikan kesan bagi keputusan terakhir sesebuah kajian. Walaubagaimanapun, asas terhadap semua teknik ini adalah bermatlamat untuk menentukan nilai pasaran ataupun sebaliknya. Jika nilai pasaran tidak dapat di tentukan

maka nilai pasaran adalah tidak wujud, ini bermakna nilai proksi boleh diaplikasikan samada secara langsung mahupun tidak langsung. Proksi langsung digunakan untuk menganggar kesan terhadap alam sekitar berdasarkan kepada maklumat kos ataupun harga. Proksi langsung ini mudah diperhatikan, jadi ia dapat mengelakkan daripada membuat kesilapan ralat. Proksi langsung diaplikasikan apabila pemerhatian pengkaji adalah berasaskan tingkah laku dan gelagat individu dalam pasaran. Jika nilai proksi tidak wujud dan pada masa yang sama kaedah penilaian kontingen (CVM) digunakan untuk mendapatkan nilai barangan, maka akan berlaku kesulitan.kaedah penilaian kontingen (CVM) adalah antara kaedah yang terbaik untuk mencari nilai gunaan (NG) dan bukan nilai gunaan (NBG). Maka, kaedah penilaian kontingen (CVM) perlulah digunakan dalam kajian untuk mendapatkan nilai bagi barangan yang tidak mempunyai nilai spesifik seperti nilai warisan yang terdapat di Bukit Puteri. Dengan mencipta pasaran hipotetikal, responden dapat memberi nilai keutamaan yang boleh ditransform dalam nilai wang ringgit. Ini lebih mudah kerana ia diterima oleh semua pihak dan senang diukur.

Nilai Barang Dan Perkhidmatan Alam Sekitar



(Sumber : Kuliah Ekonomi Alam Sekitar)

3.4 KAEDAH PENILAIAN KONTNGEN

Kaedah penilaian kontingen merupakan antara kaedah yang digunakan untuk mengukur nilai alam sekitar (*non-market value*). Kaedah penilaian kontingen ini menggunakan data primier di mana responden yang ditemubual akan dikemukakan beberapa soalan yang berkaitan dengan kesanggupan membayar (WTP) untuk mendapatkan nilai yang diletakkan oleh responden tersebut terhadap nilai bagi barangan nilai warisan yang terdapat di Bukit Puteri. Dengan itu pasaran hipotetikal diwujudkan dan apabila satu nilai dalam bentuk pengukuran kewangan diperolehi maka ia dapat digunakan untuk mengukur dan mengetahui sejauh manakah kepentingan program pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Puteri dilakukan. Terdapat tiga format asas yang sering digunakan untuk mendapatkan nilai kesanggupan membayar individu (WTP) iaitu pilihan terbuka, permainan tawaran dan juga pilihan dikhotomus. Namun begitu, kajian pemeliharaan dan pemuliharaan nilai warisan di Bukit Puteri hanya mengaplikasikan penggunaan format pilihan dikhotomous. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya ralat dan bias dalam hasil kajian kelak.

Setiap kaedah mempunyai kelemahan dan kelebihan yang tersendiri. Begitu juga dengan kaedah penilaian kontingen (CVM) mempunyai kelemahannya seperti kesukaran mengesahkan penganggaran nilai bukan guna (NBG) secara luaran. Hal ini terjadi jika responden memberikan nilai yang tidak munasabah atau tidak mampu. Selain itu, terdapat juga responden yang tidak mengambiltahu tentang kepentingan nilai alam sekitar jadi kemungkinan jawapan responden tersebut akan bias.

Bias yang wujud dalam penggunaan kaedah penilaian kontingen (CVM) adalah berbentuk bias dalam perletakan nilai sebenar bagi sesuatu kesanggupan membayar (CVM) responden. Namun demikian, bagi mengatasi berlakunya bias, beberapa langkah awal telah dikenalpasti. Antaranya dengan memberikan gambaran dan maklumat tentang situasi dan permasalahan yang dihadapi dengan lebih tepat kepada responden sebelum

mengemukakan soal selidik. Selain daripada itu, teknik pengulangan maksud yang sama tetapi dengan menggunakan ayat yang berbeza juga akan dilakukan.

Manakala kelebihan menggunakan kaedah penilaian kontingen pula adalah kaedah ini dapat memberikan nilai gunaan (NG) dan nilai bukan gunaan (NBG) berlandaskan teori utiliti dan kepuasan. Kaedah ini juga memberikan gambaran yang jelas tentang nilai sebenar dimana apabila berdasarkan respon kesanggupan membayar responden yang mempunyai keutamaan dan utiliti. Kebanyakan kajian lalu yang menggunakan kaedah penilaian kontingen (CVM) ini berjaya.

3.5 SPESIFIKASI MODEL KAJIAN

Dalam kajian pemeliharaan dan pemuliharaan artifak-artifak di Bukit Puteri ini, kaedah penilaian kontingen dan menggunakan kebarangkalian yang mana ia adalah untuk menentukan nilai ekonomi terhadap nilai warisan tersebut yang sanggup dibayar oleh responden. Setiap keputusan kesanggupan membayar responden memberi impak kepada nilai warisan Bukit Puteri samada impak negatif mahupun impak positif. Maka setiap keputusan responden ini akan mempengaruhi pengekalan atau memusnahkan nilai warisan yang ada di Bukit Puteri. Model menggunakan analisis regresi linear melalui teknik kuasa dua terkecil (OLS).

Model yang digunakan untuk menilai WTP ialah:

$$WTP = \beta_0 + \beta_1 + \beta_2 + \epsilon$$

β_1 = pendapatan individu

β_2 = tahap kesedaran individu

ϵ = ralat

β_1 dan β_2 adalah nilai pekali.

Kesanggupan membayar (WTP) bergantung kepada dua pembolehubah tak bersandar iaitu pendapatan individu dan tahap kesedaran individu.

3.6 PROSEDUR PERSAMPELAN

Rekabentuk kajian yang akan dijalankan ialah berbentuk deskriptif iaitu beberapa kaedah digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat sama ada melalui pemerhatian, soal-selidik, dan temuramah peribadi. Bagi mendapat data terperinci tentang kawasan kajian, kaedah soal selidik akan digunakan. Responden yang terdiri daripada penduduk Negeri Terengganu dan pelancong domestik atau pelancong asing di kawasan kajian yang akan dijalankan dan akan diberi Borang Soal Selidik untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Temuramah peribadi akan dijalankan terhadap responden dengan cara bersemuka iaitu berkomunikasi dan berinteraksi. Temubual juga dilakukan dengan pihak pengurusan Bukit Puteri iaitu Puan Nor Ainah binti Mahmud yang merupakan Penolong Pengarah (Ketua unit Pemuliharaan), Lembaga Muzium Negeri Terengganu Darul Iman. Maklumat yang diperolehi daripada proses temubual tersebut, diguna dan dijadikan panduan dalam pembentukan borang soal selidik. Antara maklumat yang diperolehi adalah bilangan pengunjung ke Bukit Puteri dan jumlah hasil kutipan daripada pengunjung yang datang ke Bukit Puteri.

Dalam menyiapkan kajian ini, kaedah *Contingent Valuation Method* (CVM) untuk mengkaji nilai maksimum yang sanggup dibayar (WTP) oleh masyarakat terhadap nilai bukan pasaran faedah iaitu nilai warisan terhadap pemuliharaan nilai warisan di Bukit Puteri, Negeri Terengganu. Dalam kajian ini, kaedah soal selidik untuk menilai WTP digunakan. Borang soal selidik yang disediakan ini merangkumi 3 bahagian yang utama. Bahagian A merupakan soalan yang mengenai latar belakang responden seperti demografi pengunjung, contohnya umur, bangsa, tahap pendidikan dan tahap pendapatan.

Manakala bahagian B pula merupakan soalan yang berkaitan dengan penilaian kontingen yang menilai nilai kesanggupan membayar (WTP) responden. Dalam menguji nilai WTP responden, ia menggunakan jenis soalan yang berbentuk *open - ended* format. Jenis soalan ini dapat mengurangkan bias kerana nilai yang diletakan oleh responden adalah mengikut kemampuan dan kesanggupan responden. Bahagian ini lebih kepada

pendapat personal responden terhadap program pemuliharaan dan pemeliharaan nilai warisan yang terdapat di Bukit Puteri. Setiap skala jawapan mempunyai nilai tersendiri yang mana skala 1 akan digunakan untuk sangat tidak bersetuju, skala 2 digunakan untuk tidak bersetuju, skala 3 pula bagi tidak pasti sementara skala 4 adalah bersetuju dan skala 5 adalah sangat bersetuju. Contoh bagi soalan yang akan ditanya pada bahagian ini adalah tentang penjagaan dan pemuliharaan Bukit Puteri untuk generasi akan datang, peranan masyarakat dan pihak kerajaan dalam mengekalkan nilai warisan Bukit Puteri.

Manakala bahagian C pula merupakan soalan yang berkaitan dengan tahap kesedaran responden terhadap pemuliharaan nilai warisan di Bukit Puteri. Populasi sampel pada peringkat ini adalah para pengunjung asing dan domestik secara rawak. Anggaran seramai 150 responden akan dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik. Namun begitu responden yang akan di soal selidik adalah berumur dalam lingkungan 18 tahun sehingga 50 sahaja.

3.7 HIPOTESIS KAJIAN

1. PENDAPATAN INDIVIDU

Ho : Pendapatan individu memberi kesan signifikan terhadap WTP program pemuliharaan Bukit Puteri, Kuala Terengganu.

H1 : Pendapatan individu tidak memberi kesan signifikan terhadap WTP program pemuliharaan Bukit Puteri, Kuala Terengganu.

2. TAHAP KESEDARAN INDIVIDU

Ho : Tahap Kesedaran Individu memberi kesan signifikan terhadap WTP program pemuliharaan Bukit Puteri, Kuala Terengganu.

H1 : Tahap Kesedaran Individu tidak memberi kesan signifikan terhadap WTP program pemuliharaan Bukit Puteri, Kuala Terengganu.

3.8 METHODOLOGI KAJIAN

Kaedah yang akan digunakan untuk kajian pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Puteri, Kuala Terengganu ini adalah kaedah penilaian kontingen (CVM). Kaedah penilaian kontingen ini sangat sesuai untuk menilai aliran bagi aliran barangan dan perkhidmatan barang yang mempunyai nilai warisannya di Bukit Puteri. Penganggaran nilai ekonomi sumber di Bukit Puteri dapat dilakukan manakala masyarakat pula akan mengetahui bahawa betapa pentingnya menjaga dan memulihara nilai warisan yang terdapat di Bukit Puteri pada masa kini dan untuk generasi pada masa hadapan. Manakala kajian ini juga dapat menyumbangkan nilai ekonomi yang sebenar kepada pembuat keputusan seperti kerajaan dan ini amat berguna dalam proses pembuatan keputusan.

3.9 KESIMPULAN

Pemuliharaan nilai warisan di Bukit Puteri adalah di bawah tanggungjawab Muzium Terengganu dan cawangan-cawangan tertentu akan melaksanakan program tersebut. Kesimpulannya, metodologi kajian menerangkan kaedah-kaedah yang akan dilakukan kelak untuk mencapai objektif kajian. Soalan kesanggupan membayar yang berbentuk diskrit ditanya. Data-data yang diperolehi akan dianalisa menggunakan perisian SPSS 15.0 (*Statistical Package for Social Science*). Pembolehubah bebas yang digunakan untuk menilai WTP adalah pendapatan individu, dan tahap kesedaran individu.

Kesimpulannya, keseluruhan bab ini telah membincangkan tentang kaedah kajian, populasi dan sampel, tempat kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, kajian rintis, dan penganalisan data. Pengkaji berharap dengan metodologi yang telah digariskan ini mampu untuk memperolehi dapatan kajian yang menyeluruh dan memenuhi persoalan yang dikaji.

BAB 4

ANALISIS DAN KEPUTUSAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Dalam bab ini akan menerangkan analisis yang telah dilakukan dan juga keputusan kajian terhadap program pemuliharaan dan pemeliharaan Bukit Puteri, Kuala Terengganu. Data dianalisis dengan menggunakan Perisian SPSS 15 di mana perisian ini akan membantu mendapatkan keputusan yang lebih cepat dan tepat untuk kajian ini. Kajian pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Puteri ini melibatkan sebanyak 150 orang responden yang dipilih secara rawak. Kebanyakan responden adalah terdiri daripada pengunjung Bukit Puteri sendiri. Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh manakah masyarakat awam bekerjasama dalam tujuan pemeliharaan Bukit Puteri ini dengan cara membantu pihak yang bertanggungjawab ke atas Bukit Puteri ini, Muzium Negeri Terengganu. Kajian ini mengukur caj bayaran masuk ke Bukit Puteri sebagai tiket untuk pengunjung masuk ke sana dan juga sebahagian daripada kos tersebut juga turut disumbangkan untuk tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan Bukit Puteri.

Faktor utama yang mempengaruhi nilai kesanggupan responden untuk membayar caj bayaran masuk sebagai sebahagian sumbangan untuk program pemuliharaan dan pemeliharaan Bukit Puteri adalah seperti jumlah pendapatan dan tahap kesedaran individu. Kaedah soal selidik yang digunakan adalah dengan menemubual setiap responden yang terdiri daripada pengunjung Bukit Puteri dan masyarakat awam sekitar daerah Kuala Terengganu, Terengganu. Kemudian data primer tersebut dianalisis dengan menggunakan Perisian SPSS 15. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan juga analisis regresi untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih tepat.

4.1 ANALISIS DESKRIPTIF

Analisis deskriptif terbahagi kepada beberapa bahagian di dalam borang soal selidik yang telah disediakan. Ia merangkumi sosioekonomi responden, kekerapan bilangan lawatan responden ke Bukit Puteri dan juga analisis tahap kepuasan responden terhadap Bukit Puteri pada masa kini.

4.1.1 MAKLUMAT ASAS DAN SOSIO EKONOMI PENGUNJUNG

Jadual 4.1 : Profil Responden


Ciri – Ciri	Peratus (%)
1. Jantina	
- Lelaki	41.3
- Perempuan	58.1
2. Status Perkahwinan	
- Bujang	58.0
- Berkahwin	40.0
- Duda/ Janda	2.0
3. Taraf Pendidikan	
- Tiada Pendidikan Formal	2.0
- Sekolah Rendah	2.7
- Sekolah Menengah	57.3
- Diploma/ Master/ Ijazah/Phd	38.0
4. Bangsa	
- Melayu	98.7
- Cina	1.3

5. Tempat Tinggal	
- Pahang	2.7
- Kelantan	0.7
- Terengganu	91.3
- Perak	0.7
- Selangor	0.7
- Melaka	0.7
- Negeri Sembilan	1.3
- Pulau Pinang	0.7
- Kedah	0.7
- Johor	0.7
6. Status Perkahwinan	
- Bujang	58.0
- Berkahwin	40.0
- Janda/Duda	2.0
7. Taraf Pendidikan	
- Tiada Pendidikan Formal	2.0
- Sekolah Rendah	2.7
- Sekolah Menengah	57.3
- Diploma/Ijazah/ Master/Phd	38.0
8. Sector Pekerjaan	
- Kakitangan Awam	30.0
- Kakitangan Swasta	24.0
- Ahli Perniagaan	16.7
- Pesara	1.3
- Pelajar	17.3
- Tidak Bekerja	4.7
9. Pendapatan Bulanan	
- Tiada Pendapatan	15.3
- Kurang Daripada RM1000	36.7
- RM 1000.01 Hingga RM 2000	32.7
- RM 2000.01 Hingga RM 3000	11.3
- RM3000.01 Hingga RM 4000	2.0
- RM 4000.01 Dan Ke Atas	2.0
10. Bilangan Tanggungan	
- Tiada	53.3
- 1 Orang	12.0
- 2 Orang	7.3
- 3 Orang	14.0
- 4 Orang	6.0
- 5 Orang	3.3
- 6 Orang	0.7
- 7 Orang	2.7

- 8 Orang	0
- 9 Orang	0
- 10 Orang	0.7

a) Jantina

Rajah 4.1 : Jantina




Responden bagi kajian program pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Puteri ini dilakukan secara rawak dan responden dipilih tanpa meletakkan apa-apa kuota terhadap status jantina responden. Hasilnya didapati seramai 62 orang responden iaitu bersamaan 41.3 peratus daripada jumlah keseluruhan responden adalah lelaki sementara 88 orang responden iaitu 58.7 peratus adalah responden perempuan.

b) Umur

Pengunjung yang datang ke Bukit Puteri adalah terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Lantaran itu, sepanjang sesi temubual yang dijalankan, responden dapat dibahagikan kepada lima kategori umur yang mana responden yang terdiri dari kalangan umur bawah 20 tahun adalah seramai 24 orang daripada jumlah keseluruhan responden. Kategori responden yang berumur antara 21 sehingga 30 tahun merupakan jumlah umur

yang paling banyak berkunjung ke Bukit Puteri iaitu sebanyak 58 peratus (87 orang), ini mungkin disebabkan pada peringkat ini terdiri daripada golongan muda yang lebih gemar bersiar-siar pada masa lapang berbanding dengan kategori umur 31 sehingga 40 tahun yang merangkumi seramai 15.3 peratus orang sahaja. Hal ini mungkin kerana golongan ini sudah mula sibuk dengan keluarga masing-masing dan kurang mempunyai waktu untuk bersiar-siar. Sementara itu, responden yang berumur antara 41 tahun sehingga 50 tahun dan juga kategori 51 tahun dan keatas masing-masing terdiri daripada 8 orang, iaitu 5.3 peratus. Ini mungkin juga disebabkan faktor umur yang semakin meningkat dan kurangnya waktu riadah pada individu tersebut.

Rajah 4.2 : Umur



c) Bangsa

Hasil daripada temubual yang dilakukan ke atas responden yang berkunjung ke Bukit Puteri, didapati bahawa responden berbangsa bangsa Melayu dan bangsa Cina yang mana masing-masing terdiri daripada 148 orang (98.7 peratus) dan 2 orang (1.3 peratus). Ini menunjukkan golongan tersebut lebih peka dan berminat dengan lokasi pelancongan warisan ini berbanding dengan golongan lain. Justeru itu, diharap pihak yang bertanggungjawab dapat meningkatkan lagi promosi Bukit Puteri ke peringkat yang lebih


tinggi agar pengunjung Bukit Puteri kelak terdiri daripada pelbagai bangsa dan juga pelancong asing dan pelancong domestik.

Rajah 4.3: bangsa



d) Tahap Pendidikan


Rajah 4.4: Tahap Pendidikan



Responden bagi kajian pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Puteri ini terdiri daripada pelbagai jenis latarbelakang pendidikan mereka. Dalam kajian ini, tahap pendidikan responden dipecahkan kepada empat kategori iaitu tiada pendidikan formal yang mana seseorang responden itu tidak pernah menerima mana-mana pendidikan daripada institusi pengajian sepanjang umur beliau. Kategori kedua dan ketiga adalah sekolah rendah dan juga sekolah menengah dan selebihnya adalah responden yang pernah menerima pendidikan di institusi pengajian tinggi yang meliputi tahap diploma, ijazah, sarjana mahupun PhD. Hasil daripada temubual yang telah dilakukan didapati seramai tiga orang responden yang melawat ke Bukit Puteri adalah terdiri daripada pengunjung yang tidak pernah menerima tahap pendidikan secara formal sementara 2.7 peratus atau empat orang responden adalah terdiri daripada pengunjung yang mempunyai tahap pendidikan sehingga sekolah rendah. Pengunjung Bukit Puteri yang mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah mencatatkan jumlah pengunjung yang tertinggi iaitu sebanyak 57.3 peratus atau seramai 86 orang. Manakala responden yang mempunyai tahap pendidikan tertinggi adalah seramai 57 orang atau sebanyak 38 peratus daripada keseluruhan responden.

e) Sektor Pekerjaan


Rajah 4.5: sektor pekerjaan



f) Pendapatan Bulanan

Hasil daripada soal selidik yang telah dilakukan ke atas 150 orang responden didapati bahawa sebanyak 30 peratus atau seramai 45 orang adalah kakitangan kerajaan manakala seramai 36 orang pula adalah kakitangan swasta. Sebanyak 16.7 peratus adalah responden yang berlatarbelakangkan ahli perniagaan sebaliknya jumlah responden yang paling sedikit terdiri daripada pesara, membabitkan seramai 2 orang. Sebanyak 17.3 peratus adalah terdiri daripada pelajar manakala seramai 7 orang baki adalah responden yang tidak bekerja.


Rajah 4.6: Pendapatan Bulanan



Hasil analisis mendapati bahawa seramai 23 orang iaitu 15.3 peratus daripada pengunjung Bukit Puteri adalah terdiri daripada pelajar oleh itu mereka tidak mempunyai pendapatan bulanan. Pendapatan bulanan telah dibahagikan kepada lima kategori iaitu kurang daripada RM 1000, RM 100.001 sehingga RM 2000, RM 2000.01 sehingga RM 3000, RM 3000.01 sehingga RM 4000 dan juga RM 4000.01 dan ke atas. Sebanyak 36.7 peratus adalah terdiri daripada responden yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM 1000 yang mana ia mencatatkan jumlah responden yang tertinggi berbanding kategori lain. Kategori pendapatan RM 1000.01 sehingga RM 2000 mencatatkan jumlah kedua tertinggi iaitu melibatkan seramai 49 orang daripada 150 orang jumlah keseluruhan responden.

g) Status Perkahwinan


Rajah 4.7: status perkahwinan



Analisis deskriptif berdasarkan status perkahwinan responden pula dibahagikan kepada tiga kategori iaitu bujang, telah berkahwin dan duda atau janda. Hasil analisis mendapati bahawa seramai 58 peratus responden adalah berstatus bujang sementara 40 peratus telah berkahwin iaitu seramai 60 orang. Manakala baki seramai 3 orang ataupun 2 peratus adalah terdiri daripada responden yang berstatus duda ataupun janda. Bukit puteri menerima kunjungan paling sedikit daripada responden yang berstatus duda atau janda mungkin disebabkan mereka ini tidak mempunyai teman untuk bersiar-siar ataupun meluangkan masa bersama-sama. Faktor ini mendorong mereka lebih banyak menghabiskan masa di tempat lain. Sementara responden yang berstatus bujang dan berkahwin mencatatkan jumlah kunjungan yang banyak datang ke Bukit Puteri. Ini mungkin disebabkan golongan ini lebih suka meluangkan masa riadah bersama-sama keluarga dan juga pasangan masing-masing. Maka, Bukit Puteri merupakan destinasi yang sesuai untuk dijadikan salah satu tempat beriadah sambil menikmati keindahan semulajadi di sana sambil mengkagumi nilai-nilai sejarah dan warisan lampau yang terdapat di sana.

h) Bilangan Tanggungan


Rajah 4.8: Bilangan Tanggungan



Bagi pembolehubah faktor bilangan tanggungan pula, hanya seorang responden sahaja yang mempunyai tanggungan seramai 10 orang dan enam orang yang mana ia mencatatkan jumlah yang tertinggi yang meliputi 0.7 peratus. Sebaliknya sebanyak 53.3 peratus responden pula tidak mempunyai tanggungan. Mereka ini mungkin terdiri daripada individu bujang. Seterusnya sebanyak 18 orang responden mempunyai seramai seorang bilangan tanggungan dan baki 7.3 peratus lagi mempunyai dua orang tanggungan. Masing-masing seramai 21 orang responden dan enam peratus responden yang mempunyai tiga dan empat orang tanggungan. Sebanyak 3.3 peratus dan empat orang responden yang mempunyai tanggungan seramai lima orang dan tujuh orang tanggungan.

i) Tempat Tinggal

Rajah 4.9: Tempat Tinggal



Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa pengunjung Bukit Puteri adalah terdiri daripada pengunjung dari Negeri Terengganu Darul Iman. Ini dibuktikan apabila didapati 91.3 peratus atau seramai 137 orang daripada jumlah keseluruhan responden adalah terdiri daripada masyarakat Terengganu ini sendiri. Ini menunjukkan bahawa Bukit Puteri masyur di sekitar negeri Terengganu dimana kebanyakan masyarakat Terengganu mengetahui serba sedikit mengenai nilai warisan dan sejarah yang terdapat di Bukit Puteri. Mungkin disebabkan faktor ini maka kebanyakan pengunjung adalah terdiri daripada masyarakat dari seluruh Terengganu. Sementara pengunjung dari Pahang terdiri daripada masyarakat dari seluruh Terengganu. Sementara pengunjung dari Pahang terdiri daripada 2.7 peratus atau 4 orang responden manakala pengunjung dari Negeri Sembilan sebanyak 1.3 peratus atau dua orang. Responden yang melawat Bukit Puteri dari negeri Kelantan, Perak, Selangor, Melaka, Pulau Pinang, Kedah dan Johor pula masing-masing adalah sebanyak 0.7 peratus atau seorang responden bagi setiap negeri. Hal ini terjadi mungkin kerana faktor jarak dan juga penghebahan daripada agen pelancongan tentang kelebihan dan keindahan Bukit Puteri masih belum mencukupi menyebabkan Bukit Puteri tidak begitu menonjol dikalangan masyarakat luar.

Jadual 4.2 : Penilaian Kontingen.

Ciri- Ciri	Peratus (%)
1. Gemar Melancong	
- Ya	92.0
- Tidak	8.0
2. Pilihan Destinasi Kegemaran	
- Kawasan Pulau/ Pantai/ Air Terjun/ Kawasan Peranginan	56
- Kawasan Bandaraya/ Bandar Besar Untuk Tujuan Membeli-Belah	14.0
- Kawasan Budaya Dan Warisan/ Tinggalan Sejarah	18.7
- Pengembaraan Di Gunung/ Bukit/ Hutan	4.0
- Taman Tema	7.3
3. Pernah Melawat Bukit Puteri	
- Ya	94.7
- Tidak	5.3
4. Sumber Maklumat	
- Tiada Sumber Maklumat	4.0
- Internet	3.3
- Papan Tanda	18.0
- Agen Pelancongan	4.7
- Sahabat/ Saudara-Mara	64.0
- Media Cetak Dan Media Elektronik	6.0
5. Kekerapan Melawat Bukit Puteri	
- Tidak Pernah	3.3
- 1 Kali	16.7
- 2 Kali	22.0
- 3 Kali	35.3
- Lebih Daripada 4 Kali	22.7
6. Kesanggupan WTP	
- Ya	98.7
- Tidak	1.3
7. Nilai Maksimum WTP	
- Kurang Daripada RM 2	39.3

- RM 2.01 Hingga RM 4	22.7
- RM 4.01 Hingga RM6	10.0
- RM 6.01 Hingga RM 8	2.7
- RM 8.01 Hingga RM 10	8.7
- RM 10.01 Dan Ke Atas	16.7
8. Sebab Kesanggupan Memyumbang WTP	
- Agar Keindahan Bukit Puteri Dapat Dinikmati Sendiri Di Masa Hadapan	16.6
- Agar Keindahan Bukit Puteri Dapat Dinikmati Oleh Generasi Akan Datang	78.7
- Untuk Kepuasan Anda Sendiri	4.7
9. Tahap Kepuasan Dengan Keadaan Bukit Puteri Masa Sekarang	
- Ya	77.3
- Tidak	21.3
10. Sebab Tidak Puas Hati	
- Kebanyakan Artifak Yang Terdapat Dibukit Puteri Telah Dieksploitasi	2.0
- Terdapat Banyak Perubahan Dari Segi Landskap Bukit Puteri Pada Hari Ini Berbanding Pada Masa Dahulu	6.0
- Keindahan Bukit Puteri Tidak Seperti Dahulu Lagi	12.7
- Caj Bayaran Yang Dikenakan Adalah Terlalu Tinggi	2.0

a) Gemar Melancong

Rajah 4.10: Gemar Melancong



Bahagian B terdiri daripada soalan-soalan yang akan menilai responden mengenai penilaian kontingen mereka terhadap program pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Puteri. Seramai 138 orang daripada 150 orang responden terdiri daripada pengunjung yang mempunyai hobi melancong sebaliknya hanya lapan peratus adalah responden yang tidak gemar melancong.

b) Jenis Destinasi Pilihan

Daripada jumlah responden yang gemar melancong, didapati kebanyakannya lebih gemar melancong ke kawasan pulau, pantai, air terjun dan juga kawasan peranginan seramai 73 orang, iaitu 48.7 peratus. Sebaliknya, seramai enam orang, atau empat peratus gemar pelancongan yang bertemakan pengembaraan di gunung, bukit dan juga hutan. Sementara itu, sebanyak 14 peratus gemar melancong ke kawasan bandaraya dan bandar untuk tujuan membeli belah dan 18.7 peratus lagi gemar kawasan pelancongan warisan. Hanya 7.3 peratus sahaja yang gemar melancong ke taman tema.


Rajah 4.11: Jenis Destinasi Pilihan



d) Pernah Melawat Bukit Puteri


Daripada 150 orang responden yang melawat ke Bukit Puteri, majoriti 94.67 peratus adalah terdiri daripada responden yang pernah melawat Bukit Puteri dan selebihnya pula adalah daripada responden yang tidak pernah mengunjungi Bukit Puteri. Ini menunjukkan bahawa pengunjung yang mempunyai pengalaman mengunjungi ke lokasi Bukit Puteri akan teruja untuk datang ke tempat pelancongan warisan tersebut sekali lagi.

Rajah 4.12: Pernah Melawat Bukit Puteri



e) Sumber Maklumat

Rajah 4.13: Sumber Maklumat




Sebanyak 64 peratus responden yang mengunjungi Bukit Puteri mendapat sumber maklumat mengenai sejarah dan keindahan Bukit Puteri adalah melalui sahabat handai dan juga saudara mara. Lantaran itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa betapa besarnya pengaruh dari mulut ke mulut jika seseorang pengunjung itu berpuas hati dengan sesebuah tempat pelancongan itu. Manakala 18 peratus pula mengetahui tentang Bukit Puteri melalui papan tanda, enam peratus melalui media cetak dan media elektronik, 4.7 peratus melalui agen pelancongan dan 3.3 peratus lagi adalah melalui internet. Kesimpulannya, pihak yang bertanggungjawab menguruskan Bukit Puteri hendaklah melakukan promosi Bukit Puteri yang lebih banyak pada masa akan datang.

e) Kekerapan Melawat

Seramai 47 orang responden terdiri daripada pengunjung yang pertama kali datang ke bukit puteri dan seramai 36 orang responden pula adalah responden yang lebih daripada 4 kali datang ke Bukit Puteri. Manakala sebanyak dua kali dan tiga kali datang ke Bukit Puteri masing- masing adalah 32 orang dan 30 orang responden. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, kebanyakan pengunjung yang telah datang ke Bukit Puteri

akan mengunjungi Bukit Puteri secara berulang-kali. Ini menunjukkan lokasi Bukit Puteri sangat menarik minat pengunjung dan nilai sejarahnya yang tersendiri sangat di kagumi oleh masyarakat setempat.

Rajah 4.14: Kekerapan Melawat



f) Faktor Menarik Minat Ke Bukit Puteri


Terdapat sebanyak 4 faktor utama yang dapat menarik minat pengunjung untuk datang mengunjungi Bukit Puteri. Seramai 53 orang responden minat untuk berkunjung ke Bukit Puteri kerana faktor mereka gemar berjalan- jalan. Sementara itu seramai 34 orang lagi mengunjungi Bukit Puteri kerana faktor kediaman mereka berdekatan dengan bandar Kuala Terengganu dan lokasi Bukit Puteri. Selebihnya sebanyak 22 peratus dan 16.7 peratus adalah kerana menggemari keindahan artifak yang terdapat di Bukit Puteri dan juga peminat sejarah.

Rajah 4.15: Faktor Menarik Minat



g) Kesanggupan Membayar (WTP)

Rajah 4.16: Kesanggupan Membayar (WTP)




Daripada jumlah keseluruhan responden yang sanggup pernah mengunjungi Bukit Puteri, seramai 98.7 peratus menyatakan mempunyai kesanggupan membayar untuk menjaga keaslian Bukit Puteri sementara baki, 1.3 peratus tidak sanggup membayar

untuk tujuan tersebut. Ini menunjukkan kebanyakan responden adalah terdiri daripada individu yang mempunyai kesedaran bahawa betapa pentingnya menjaga alam sekitar.

h) Nilai Maksimum WTP

Rajah 4.17: Nilai Maksimum WTP




Hasil kajian menunjukkan nilai maksimum kesanggupan membayar responden boleh dibahagikan kepada beberapa kategori. Kebanyakan responden bersetuju untuk membayar kurang daripada RM 2.00 (38 peratus). Manakala sebanyak 22.7 peratus pula sanggup membayar antara RM2.01 sehingga RM 4. Bagi jumlah RM4.01 sehingga RM6 dan juga RM 6.01 sehingga RM8 pula adalah masing- masing sebanyak 15 orang dan empat orang responden. Manakala seramai 8.7 peratus dan 16.7 peratus lagi terdiri daripada responden yang sanggup membayar antara jumlah RM 8.01 sehingga RM 10 dan RM10.01 dan keatas.

i) Sebab Kesanggupan Membayar WTP

Kebanyakan responden yang mempunyai kesanggupan membayar (WTP) adalah faktor kerana supaya Bukit Puteri dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Seramai 118 orang telah membayar kerana sebab ini. Sebaliknya hanya 15.3 peratus dan 4.7

peratus membayar adalah bertujuan agar keindahan Bukit Puteri dinikmati oleh mereka sendiri di masa hadapan dan juga untuk kepuasan sendiri.

Rajah 4.18: Sebab Kesanggupan Membayar WTP



j) Tahap Kepuasan Keadaan Bukit Puteri

Seramai 116 orang daripada jumlah keseluruhan responden didapati sangat berpuas hati dengan keadaan Bukit Puteri manakala baki 21.3 peratus tidak berpuas hati dengan keadaan Bukit Puteri.

Rajah 4.19: Tahap Kepuasan Keadaan Bukit Puteri



Jadual 4.3 : Pendapat Mengenai Program Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Bukit Puteri
Peratusan (%)

1= Sangat Tidak Setuju

2= Tidak Setuju

3= Tidak Pasti

4= Setuju

5= Sangat Setuju

No.	Soalan	1	2	3	4	5
1	Tinggalan artifak-artifak bersejarah perlulah dipelihara dan dipulihara supaya dapat dikekalkan untuk generasi akan datang.	0.67	0.00	2.00	27.33	70.00
2	Adakah anda setuju sekiranya pengunjung perlu menanggung sesetengah daripada kos pemuliharaan Bukit Puteri.	10.67	22.67	30.00	31.33	5.33
3	Program pemuliharaan dan pemeliharaan tinggalan artifak- artifak bersejarah yang dijalankan oleh kerajaan seharusnya diadakan setiap tahun.	0.67	3.33	4.00	47.33	44.67
4	Program pemuliharaan tinggalan artifak-artifak bersejarah yang dijalankan seharusnya mewajibkan semua pihak terutama pihak masyarakat supaya terlibat secara langsung.	2.00	8.00	21.33	43.33	25.33
5	Agensi-agensi swasta seharusnya bekerjasama dengan menyumbangkan dana atau bantuan bagi sesuatu program berkenaan tinggalan artifak- artifak bersejarah dijalankan.	1.33	2.67	5.33	42.67	48.00
6	Adakah anda setuju bahawa pemuliharaan boleh mengekalkan bilangan pengunjung ke Bukit Puteri.	0.67	0.67	10.00	42.67	46.00
7	Di dalam bajet tahunan negara, kerajaan perlulah memperuntukkan perbelanjaan atau dana bagi sebarang kegiatan yang berbentuk pemuliharaan dan pemeliharaan tinggalan artifak- artifak bersejarah.	0.67	2.00	7.33	46.67	43.33
8	Setiap sekolah dan institusi pengajian tinggi seharusnya memberi pendidikan program-program yang mempunyai nilai warisan dan tinggalan artifak-artifak bersejarah bagi menyedarkan mereka mengenai	0.00	2.67	6.67	46.00	44.67

	kepentingannya.					
9	Undang- undang seharusnya diperketatkan lagi bagi individu atau pihak yang melakukan kemusnahan tinggalan artifak-artifak bersejarah.	0.67	2.67	7.33	37.33	52.00
10	Sebagai individu yang bertanggungjawab, anda tidak akan sesekali mengeksploitasi sumber-sumber bersejarah yang ada seperti artifak-artifak dan monumen-monumen yang berharga.	0.67	3.33	9.33	42.67	44.00
11	Diberi suatu situasi, anda didatangi oleh seseorang individu yang ingin mengutip derma atau <i>dana bagi sesuatu program pemuliharaan dan pemeliharaan tinggalan barang-barang bersejarah sesuatu kawasan</i> . Sedangkan anda tidak tahu akan kewujudan kawasan tersebut. Walaubagaimanapun anda sedar bahawa tinggalan artifak- artifak bersejarah perlu dipelihara. Jika anda berada dalam situasi sedemikian, adakah anda akan bersetuju untuk menderma.	7.33	12.67	36.00	34.00	10.00

4.2 ANALISIS REGRESI

Model yang digunakan untuk menilai WTP ialah:

$$WTP = \beta_0 + \beta_1 + \beta_2 + \varepsilon$$

β_1 = pendapatan individu

β_2 = tahap kesedaran

ε = ralat

β_1 dan β_2 adalah nilai pekali.

Jadual 4.4: Model Summary

Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.382 ^a	.146	.134	1.779

a. Predictors: (Constant), ba_pdptnbulanan, bb_sebabsanggup

Jadual 4.5: Anova

ANOVA^b

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	79.509	2	39.755	12.554	.000 ^a
	Residual	465.484	147	3.167		
	Total	544.993	149			

a. Predictors: (Constant), ba_pdptnbulanan, bb_sebabsanggup

b. Dependent Variable: bb_nilaimax

Jadual 4.6: Coefficients

Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	.098	.601		.163	.871
	bb_sebabsanggup	.981	.300	.250	3.268	.001
	ba_pdptnbulanan	.483	.136	.271	3.544	.001

a. Dependent Variable: bb_nilaimax

$$WTP \text{ (nilai maksimum)} = 0.098 + 0.483x_1 + 1.981x_2$$

Jika pendapatan masyarakat meningkat sebanyak RM1 dan tahap kesedaran masyarakat meningkat agar keindahan Bukit Puteri dapat dinikmati oleh generasi akan datang(2), maka:

$$WTP = 0.098 + 0.483(1) + 1.981(2)$$

$$WTP = \text{RM } 2.543$$

Maka ini menunjukkan bahawa nilai maksimum kesanggupan membayar masyarakat (WTP) terhadap program pemuliharaan dan pemeliharaan Bukit Puteri adalah sebanyak RM2.54 iaitu melebihi sebanyak RM0.54 daripada jumlah cas yang dikenakan keatas tiket untuk mengunjungi Bukit Puteri pada masa kini.

4.3 PENGUJIAN HIPOTESIS INDIVIDU

Aras keyakinan $\alpha = 0.05$

1. Pengujian Hipotesis.

$$H_0 : \beta_i = 0$$

$$H_1 : \beta_i \neq 0$$

2. Pengujian statistik.

$$t = \frac{b_i}{Sb_i}$$


3. Nilai genting.

$$t_{\alpha/2, n-k-1}$$

$$t_{0.025, 143}$$

$$t_{\alpha} = 2.00$$

4. Kawasan penolakan.



5. Kesimpulan.

Pada aras keertian 0.05 peratus, kajian ini berjaya menolak H_0 , ini menunjukkan bahawa pembolehubah tak bersandar pendapatan responden dan tahap kesedaran responden mempunyai hubungan dengan pembolehubah bersandar jumlah kesanggupan membayar maksimum (WTP).

4.4 UJIAN GLOBAL

$$\check{Y} = \beta_0 + \beta x_1 + \beta x_2 + \varepsilon$$

$$\check{Y} = 0.098 + 0.483 x_1 + 0.981 x_2 + \varepsilon$$

$$\alpha = 0.05$$

1. Pengujian Hipotesis.

$$H_0 : \beta_1 = \beta_2 = 0$$

$$H_1 : \beta_1 = \beta_2 \neq 0$$

2. Pengujian statistik.

$$F = \frac{\text{SSR} / k}{\text{SSE} / (n - k - 1)} = 12.554$$


3. Nilai genting.

$$F_{\alpha, k, n - k - 1}$$

$$F_{0.005, 6, 143}$$

$$F_{\alpha} = 2.13$$

4. Kawasan penolakan.



5. Kesimpulan.

Sesetengah daripada pembolehubah tak bersandar dapat menerangkan pembolehubah bersandar.

4.5 PENGUJIAN HIPOTESIS BAGI PEMBOLEH UBAH JUMLAH PENDAPATAN BULANAN RESPONDEN

1. H_0 : Jumlah pendapatan bulanan individu memberi kesan signifikan terhadap WTP program pemuliharaan Bukit Puteri, Kuala Terengganu.

H_1 : Jumlah pendapatan bulanan individu tidak memberi kesan signifikan terhadap WTP program pemuliharaan Bukit Puteri, Kuala Terengganu.

$$H_0 : \beta_1 = 0$$

$$H_1 : \beta_1 \neq 0$$

Aras keyakinan (α) = 0.05

2. Kita tolak H_0 jika t statistic lebih daripada nilai genting

Test statistic

$$t = \frac{\bar{b}_1 + \beta_1}{s_{b_1}}$$

$$t = 0.143$$

3. T genting

$$Df = n - k - 1$$


$$Df = 150 - 1 - 1$$

$$Df = 148$$

$$t_{0.05, 148} = 1.645$$

tolak H_0 = t statistic (0.143) > nilai genting (1.645)

4.



5. Keputusan regresi

Berdasarkan keputusan , didapati bahawa ujian statistic t (0.143) lebih kecil daripada nilai genting (1.645). Ini menunjukkan bahawa kita dapat gagal menolak H_0 dan ini membuktikan bahawa pembolehubah jumlah pendapatan bulanan individu mempunyai hubungan dengan kesanggupan membayar bagi program pemeliharaan dan pemuliharaan dan signifikan pada aras keertian 0.05 peratus.

6. Berdasarkan keofisien menunjukkan bahawa hubungan antara pemboleh ubah bebas iaitu jumlah pendapatan bulanan individu dengan pembolehubah bersandar, jumlah caj bayaran (WTP) adalah signifikan. Ini bermakna jumlah pendapatan bulanan individu secara tidak langsung memberi kesan terhadap kekerapan bilangan lawatan dimana apabila nilai maksimum meningkat sebanyak 1 peratus akan menyebabkan pendapatan responden sebanyak 1.43 peratus.

4.6 PENGUJIAN HIPOTESIS BAGI PEMBOLEH UBAH TAHAP KESEDARAN RESPONDEN

1. H_0 : Tahap Kesedaran individu memberi kesan signifikan terhadap WTP program pemuliharaan Bukit Puteri, Kuala Terengganu.

H_1 : Tahap Kesedaran individu tidak memberi kesan signifikan terhadap WTP program pemuliharaan Bukit Puteri, Kuala Terengganu.

$H_0 : \beta = 0$

$H_1 : \beta \neq 0$

Aras keyakinan (α) = 0.05

2. $Df = n - k - 1$

$Df = 150 - 1 - 1$

$Df = 148$

$t_{0.05, 148} = 1.645$

3. Kita tolak H_0 jika t statistic lebih daripada nilai genting


Test statistic

$$t = \frac{\bar{b} - \beta_0}{s_{b_0}}$$

s_{b_0}

$t = 0.303$

4.



5. Keputusan regresi

Berdasarkan keputusan, didapati bahawa ujian statistic t (0.303) lebih kecil daripada nilai genting (1.645). Ini menunjukkan bahawa kita tidak dapat menolak H_0 dan ini membuktikan bahawa pemboleh ubah tahap kesedaran individu tidak mempunyai hubungan dengan kesanggupan membayar bagi program pemeliharaan dan pemuliharaan.

6. Berdasarkan keofisien menunjukkan bahawa hubungan antara pemboleh ubah bebas iaitu Tahap Kesedaran individu dengan pemboleh ubah bersandar jumlah caj bayaran adalah signifikan. Ini bermakna Tahap Kesedaran individu secara tidak langsung memberi kesan terhadap kekerapan bilangan lawatan dimana apabila kos perbelanjaan meningkat sebanyak 1 peratus akan menyebabkan tahap kesedaran sebanyak meningkat sebanyak 3.03 peratus.

4.7 NILAI R^2

Nilai R^2 pula menunjukkan hanya 14.6 % variasi perubahan yang dapat diterangkan oleh tahap pendidikan, jantina, tingkat pendapatan dan kesedaran terhadap jumlah kesanggupan membayar.

4.8 KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan dapatan kajian ini didapati kesanggupan membayar maksimum (WTP) masyarakat menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan dengan pemboleh ubah pendapatan bulanan individu dan tahap kesedaran. Sehubungan dengan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan dan diharap dengan adanya kajian ini dapat membantu penyelidik seterusnya dalam melakukan kajian yang lebih terperinci.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini merumuskan dan membincangkan dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah dikemukakan dalam bab pertama. Tujuan kajian terhadap program pemuliharaan dan pemeliharaan Bukit Puteri, Kuala Terengganu dilakukan adalah untuk menganggarkan nilai ekonomi sumber di Bukit Puteri, melihat kesanggupan membayar masyarakat (WTP) dan menyediakan maklumat nilai ekonomi kepada pembuat keputusan terhadap Bukit Puteri. Kajian ini menggunakan kaedah penilaian kontingen (CVM) untuk mendapatkan nilai kesanggupan membayar tersebut. Penilaian ini akan mewujudkan kesedaran yang tinggi di kalangan pihak masyarakat terhadap kepentingan menjaga Bukit Puteri dari segi perkhidmatan mahupun artifak dan nilai-nilai sejarah akan turut dijaga oleh semua pihak.

Kaedah penilaian kontingen (CVM) ini merupakan salah satu cara atau kaedah untuk mengukur nilai barangan alam sekitar (non-market value) yang mana kaedah ini

dilakukan dengan menyoal beberapa soalan yang berkaitan dengan kesanggupan membayar masyarakat untuk mendapatkan barangan-barangan alam sekitar di Bukit Puteri yang dimaksudkan adalah artifak-artifak yang mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri. Kaedah penilaian kontingen(CVM) merupakan kaedah yang terbaik untuk memperolehi nilai kesanggupan membayar masyarakat(WTP) bagi jumlah nilai ekonomi barangan alam sekitar. Ia menggunakan pembolehubah-pembolehubah pendapatan responden dan tahap kesedaran responden.

Akhirnya kajian akan menjelaskan rumusan keputusan yang diperolehi daripada teknik pengujian yang telah dijalankan bagi mengkaji nilai kesanggupan membayar responden terhadap program pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dimana hasil kajian ini dapat dibincangkan dan dikaitkan dengan cadangan bagi meningkatkan pemeliharaan dan pemuliharaan, kualiti dan mutu alam sekitar di Bukit Puteri serta saranan kepada para pengkaji yang akan datang bagi memperbaiki dan memperkembangkan skop kajian ini.

Bukit Puteri merupakan salah satu tarikan pelancongan yang terdapat di Kuala Terengganu yang mana ia berteraskan pelancongan warisan dan budaya. Justeru, Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman telah mengambil pelbagai inisiatif dan langkah untuk mempertahankan keunikan Bukit Puteri dan mengekalkan nilai warisan yang terdapat di lokasi terbabit supaya dapat dinikmati oleh generasi sekarang dan di masa akan datang. Bukit Puteri ini telah wujud sejak abad ke-16 lagi dan menjelang abad ke-19 bukit ini telah menjadi rebutan untuk dijadikan medan pertempuran bagi beberapa pihak yang bertelingkah untuk menguasai pentadbiran di Kuala Terengganu. Antara artifak-artifak yang telah berusia ratusan tahun dan masih terpelihara adalah seperti genta (loceng besar), kubur, rumah api, meriam beranak dan juga tiang bendera. Tinggalan artifak-artifak ini menggambarkan betapa gahnya Bukit Puteri sewaktu zaman kegemilangannya dahulu. Namun begitu, sejak berakhirnya zaman kegemilangan Bukit Puteri, bukit ini telah diabaikan dan kurang mendapat perhatian daripada masyarakat. Menyedari hakikat ini, kerajaan negeri mula mengambil alih dengan memberi

pemantauan dari masa ke semasa keadaan Bukit Puteri ini dan artifak-artifak kerana ia merupakan tinggalan sejarah pada zaman kegemilangan pemerintahan di Kuala Terengganu pada masa lampau.

Kajian program pemuliharaan dan pemeliharaan Bukit Puteri, Kuala Terengganu sangat penting kerana pengkaji dapat memberi suatu nilai dari sudut ekonomi terhadap artifak-artifak yang terdapat di Bukit Puteri. Dengan adanya kajian ini diharapkan pihak masyarakat dapat membuka mata terhadap kepentingan memelihara dan memulihara artifak yang bersejarah. Berdasarkan kajian lepas, kebanyakan pengkaji menggunakan kaedah penilaian kontingen (CVM) bagi mengukur nilai ekonomi sesuatu barangan dalam membuat kajian berdasarkan pemuliharaan dan pemeliharaan barangan alam sekitar yang bernilai. Dalam kajian ini, kaedah penilaian kontingen (CVM) telah dipilih melibatkan seramai 150 orang responden yang dipilih secara rawak. Kebanyakan responden adalah terdiri daripada pengunjung Bukit Puteri sendiri. Data di analisis dengan menggunakan perisian SPSS 15.0 di mana perisian ini membantu mendapatkan keputusan yang lebih cepat dan tepat untuk tujuan kajian. Kajian ini mengukur caj bayaran masuk ke Bukit Puteri sebagai tiket untuk pengunjung masuk ke sana dan juga sebahagian daripada kos tersebut juga turut disumbangkan untuk tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan Bukit Puteri.

Pada masa kini bayaran masuk ke Bukit Puteri yang dikenakan adalah sebanyak RM1 bagi seorang dewasa dan RM0.50 bagi kanak-kanak. Tujuan bayaran ini dikenakan kepada pengunjung adalah untuk menampung kos pemuliharaan dan pemeliharaan Bukit Puteri pada masa hadapan sekiranya berlaku kerosakan pada artifak-artifak bersejarah tersebut. Hasil daripada kajian mendapati bahawa kadar kesanggupan membayar masyarakat bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Puteri adalah sebanyak RM2.53.

5.1 IMPLIKASI DAN CADANGAN

1. PROMOSI

Kebanyakan pengunjung Bukit Puteri adalah terdiri daripada penduduk yang berdekatan dan juga sekitar Negeri Terengganu dan didapati hampir 64 peratus daripada pengunjung yang datang ke Bukit Puteri mendapat maklumat daripada sahabat dan saudara, manakala selebihnya adalah daripada agen pelancongan, internet, papan tanda dan media elektronik dan juga media cetak. Ini menunjukkan promosi terhadap Bukit Puteri, masih berkurangan. Dengan ini diharapkan pihak yang bertanggungjawab lebih mengwar-warkan kewujudan dan keindahan dan warisan asli Bukit Puteri ke peringkat pelancongan antarabangsa kepada masyarakat luar dan juga pelancong asing. Dengan adanya promosi yang cekap akan menarik minat pelancong untuk datang ke Bukit Puteri dan melawat ke tempat-tempat yang menarik di Terengganu Darul Iman.

2. KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

Selain daripada itu, kemudahan infrastruktur di Bukit Puteri haruslah diperbanyakkan seperti tandas awam, tempat rehat, pemandu pelancong, peta kawasan tersebut dan sebagainya. Kemudahan infrastruktur yang selesa akan dapat meningkatkan tahap kepuasan pengunjung dan seterusnya pengunjung tersebut akan mencadangkan kepada sahabat handainya untuk melawat Bukit Puteri. Selain itu, kemudahan pengangkutan ke lokasi Bukit Puteri itu sendiri perlulah lebih efisien dan tidak menyukarkan pihak pengunjung ke sana. Ini dapat dilakukan dengan menyediakan perkhidmatan bot dan bas bandar.

3. UNDANG-UNDANG/DASAR

Antara cadangan lain yang dapat menjaga Bukit Puteri adalah melalui undang-undang dan dasar. Undang-undang tersebut hendaklah diperincikan kepada kawalan alam sekitar dan perincian kepada artifak-artifak yang mana hukuman yang berat akan dijatuhkan terhadap individu/kumpulan yang cuba mengeksploitasinya. Ini merupakan salah satu langkah bijak bagi menjaga dan memulihara Bukit Puteri agar kekal sehingga ke generasi pada masa hadapan.

4. KESELAMATAN

Selain daripada itu, keselamatan juga merupakan salah satu faktor yang penting yang dapat menarik pengunjung untuk datang ke sesuatu tempat pelancongan tersebut. Keselamatan perlulah dititik beratkan oleh pihak yang menjaga Bukit Puteri supaya ia selamat untuk dikunjungi pada bila-bila masa. Kejadian seperti tanah bukit yang runtuh dan jalan yang baik di tempat tersebut merupakan faktor yang penting bagi menjamin keselamatan pengunjung semasa mengunjungi Bukit Puteri. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab seperti kerajaan negeri dan Lembaga Muzium Negeri Terengganu perlulah peka dengan keadaan semasa Bukit Puteri. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya program pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Puteri di lakukan dari semasa ke semasa.

5. KEBERSIHAN

Kebersihan sesuatu tempat pelancongan dapat menambah daya penarik pengunjung untuk datang berkunjung ke lokasi tersebut. perkara ini tidak boleh dipandang remeh oleh pihak pengurusan Bukit Puteri. Pihak yang berwajib hendaklah sentiasa memantau keadaan kebersihan Bukit Puteri dari semasa ke semasa. Hasil daripada pemantauan menunjukkan terdapat banyak rungutan yang diterima sepanjang menjalankan soal selidik kajian di mana kebanyakan

responden menyatakan bahawa keadaan kebersihan Bukit Puteri adalah kurang memuaskan. Oleh itu, diharapkan pihak yang bertanggungjawab dan pihak masyarakat dapat berganding bahu dalam mengekalkan keindahan dan keaslian Bukit Puteri kerana ia menyimpan pelbagai sejarah-sejarah dan artifak-artifak yang perlu dijaga untuk diwarisi kepada generasi masa kini dan kelak dengan baik.

5.2 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, adalah dapat dirumuskan bahawa program pemeliharaan dan pemuliharaan sesuatu penting dalam mengekalkan keaslian artifak-artifak yang bersejarah di Bukit Puteri. Ini dapat dijelaskan dalam kajian ini dimana kesanggupan membayar masyarakat menunjukkan terdapat hubungan positif dengan pembolehkan pendapatan bulanan individu, dan tahap kesedaran.

Ini jelas menunjukkan dalam mengekalkan dan memulihara Bukit Puteri, pihak masyarakat perlulah berganding bahu bersama-sama pihak pengurusan dan juga kerajaan untuk sama-sama menjaga warisan yang telah ditinggalkan pada masa dahulu. Akhir sekali, diharapkan dengan adanya kajian sebegini ia dapat membantu pihak tertentu dalam membuat rujukan untuk tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Puteri. Justeru, dapat memperkembangkan kajian lanjutan mengenai program pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Puteri pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdullah, A. S (1999). Pengurusan Sumber Dan Alam Sekitar . Bioteks ITM
Shah Alam.
- Kolstad, C. D. (2000). Environmental Economics. New York: Oxford University Press.
- Loomis, J.B and Walsh, R.G (1997). Recreation Economics Decisions : Comparing
Benefits And Costs. Colorado : Colorado State University.
- Chua, Y.W (2006). Kaedah Penyelidikan : Kaedah Dan Statistic Penyelidikan.
Universiti Pertanian Malaysia.
- A. H. Studenmund, (2006). Using Econometrics : A Practical Guide. Occidental College.
- Zikmund, W.G (2003). Business Research Methods. Thomson South East
- Zaidatul, T dan Mohamad, S.A (2003). Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 For
Windows. Venton Publishing.
- Clive L.Spash.2000.Ecosystems, Contingen Valuation And Ethics : The Case Of
Wetland Recreation. Journal Of Ecological Economics.
- Feber.S(1998) The Value Of Coastal Wetland For Recreation : An Application Of Travel
Cost And Contigent Valuation Methodology. Department Of Economics
Louisiana State- University, Baton Rouge L.A Journal Of Enviromental
Management
- Hassan, H.A (2001). Ekonometrik Asas. Universiti Utara Malaysia.

Othman, M. (2001). Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Social Terapan. University Putra Malaysia Serdang.

Stephen J. Schmidt .Econometric : Mc Graw- Hill Interbational Edition.

Samuel A. Awthen, William G. Marchal, Douglas A. Lind.(2005).Statiscal In Business And Economics,Mc Graw.Hill

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010). Percetakan Nasional Malaysia

Ahmad Mahdzan Ayob. (1942). Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi. Edisi ke-2. Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMPIRAN

JUMLAH PELAWAT DI BUKIT PUTERI PADA TAHUN 2000

BULAN/JUMLAH	DEWASA	KANAK-KANAK	JUMLAH PELAWAT	KUTIPAN (RM)
JANUARI	1864	244	2108	1,986.00
FEBRUARI	1742	397	2139	1,940.50
MARCH	1915	230	2145	2,030.00
APRIL	2609	552	3161	2,885.00
MEI	2943	782	3725	3,334.00
JUN	2375	469	2844	2,609.50
JULAI	1895	678	2573	2,234.00
OGOS	1759	656	2415	2,087.00
SEPTEMBER	2251	703	2954	2,602.50
OKTOBER	1854	1608	3462	2,658.00
NOVEMBER	1576	824	2400	1,988.00
DISEMBER	892	153	1045	968.5
JUMLAH PELAWAT	23675	7296	30971	27,323

JUMLAH PELAWAT DI BUKIT PUTERI PADA TAHUN 2003

BULAN/JUMLAH	DEWASA	KANAK-KANAK	JUMLAH PELAWAT	KUTIPAN (RM)
JANUARI	1,363	125	1,488	1,425.50
FEBRUARI	1,731	133	1,864	1,797.50
MARCH	1,730	398	2,128	1,929.00
APRIL	1,732	665	2,397	2,064.00
MEI	1,882	553	2,439	2,127.50
JUN	1,902	508	2,410	2,135.50
JULAI	1,722	510	2,232	1,977.00
OGOS	1,965	428	2,393	2,179.00
SEPTEMBER	1,911	866	2,777	2,344.00
OKTOBER	1,710	1,412	3,122	2,416.00
NOVEMBER	474	367	841	657.5
DISEMBER	971	1,364	2,335	1,653.00
JUMLAH PELAWAT	19,093	7,329	26,426	22,706.00

APLIKASI KAEDAH PENILAIAN KONTIGEN (CVM) KE ATAS PROGRAM PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN BUKIT PUTERI, TERENGGANU - SITI RAIHANA BINTI FAUZI